



فلیتا برونی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.38 | SUBUH 4.48 | SYURUK 6.12 | DUHA 6.36 | ZUHUR 12.25 | ASAR 3.51 | MAGHRIB 6.36 | ISYAK 7.52 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 79

2 JULAI 2025 / 1447 محرم 6

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA


مانیسش ایمان

DARIPADA Ibnu Abbas Radhiyallahu'anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Puasalah pada hari 'Asyura, dan berbezahal dengan Yahudi dalam masalah ini, berpuasalah sehari sebelumnya atau sehari sesudahnya".

(Hadis riwayat Imam Ahmad)



KEBAWAH DYMM BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Governor General and Commander-in-Chief of Canada, Puan Yang Terutama The Right Honourable Mary Simon dan Perdana Menteri Kanada, The Right Honourable Mark Carney.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Governor General and Commander-in-Chief of Canada, Puan

Yang Terutama The Right Honourable Mary Simon dan Perdana Menteri Kanada, The Right Honourable Mark Carney dan kerajaan serta rakyat Kanada bersempena dengan Hari Kanada.



Berita Utama



BENDERA besar berkibar megah di ibu negara

Muka 7



DOA Kesukuran sempena Puja Usia DYT

Muka 10



KEMENTERIAN Pembangunan semarakkan Sambutan Ilti Hijrah 1447

Muka 17

Pendidikan kunci kepada perubahan positif, transformatif

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

JERUDONG, Selasa, 1 Julai. - Southeast Asian Ministers of Education Organization (SEAMEO) secara konsisten membuktikan dirinya sebagai peneraju dalam bidang kerjasama, inovasi, dan keterangkuman.

Ia sentiasa berada di barisan hadapan dalam mempromosi kerjasama serantau, meningkatkan peluang pendidikan,

membina kapasiti insan, serta memupuk persefahaman bersama dalam kalangan negara-negara Asia Tenggara, khususnya melalui 26 pusat serantau yang cemerlang berserta jaringan serantau yang dimilikinya.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda demikian pada Majlis Perasmian Persidangan Majlis Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara Kali Ke-53 berlangsung di The Empire Brunei, di sini.

>> Muka 3

Mesyuarat Kedua MMN Ke-21, bermula 4 Ogos

Siaran Akbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Jun. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) untuk bermula pada Hari Isnin, 10 Safar 1447 Hijrah bersamaan dengan 4 Ogos 2025 Masihi bertempat di Dewan Majlis, Jalan Dewan

Majlis, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat Kedua ini akan menumpukan kepada Pertanyaan, Kenyataan Menteri dan Usul-Usul yang antara lain membincangkan agenda pembangunan negara melalui sesi perbahasan.

Ahli-Ahli MMN akan berpeluang untuk membincangkan isu-isu semasa, cadangan dan pandangan terhadap isu-isu kepentingan rakyat dan negara.

Persidangan ini akan dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji

Mohamed Taib dan dibantu oleh Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

Ahli-Ahli MMN, yang terdiri daripada Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli Yang Dilantik termasuk Orang-Orang Yang Bergelar, Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan, serta Wakil-Wakil Dari Daerah-Daerah, akan bersidang dalam suasana muafakat bagi meneliti pelbagai isu dan dasar dalam mencapai agenda kepentingan rakyat serta kemakmuran negara.



RENCANA

DARI UNISSA ke dunia : Melakar kejayaan melalui inovasi di pentas antarabangsa

Muka 21



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berucap pada Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1446 Hijrah / 2025 Masihi Peringkat Akhir yang berlangsung pada Khamis, 23 Zulhijah 1446 Hijrah bersamaan 19 Jun 2025 Masihi, bertempat di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillahirabbil 'Alamin,
Wassalatu
Wassalamu 'Ala Ashrafil Anbiya-l-Wal
Mursalin, Sayyidina Muhammaddin
Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in

Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah

Budayakan pembacaan Al-Quran kalangan belia, berlandaskan ajaran Islam Ahli Sunnah Waljamaah

rahmat-Nya juga, kita dapat sama-sama berhimpun dalam majlis yang penuh keberkatan ini, iaitu Majlis Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan bagi Tahun 1446 Hijrah bersamaan 2025 Masihi Peringkat Akhir.

Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan yang dilaksanakan pada setiap tahun ini amatlah signifikan dalam usaha kita untuk membudayakan pembacaan, pemahaman dan penghayatan Al-Quran dalam kalangan belia Brunei, seiring dengan hasrat Negara Brunei Darussalam untuk membentuk sebuah Negara Zikir yang berlandaskan ajaran Islam Ahli Sunnah Waljamaah.

Lebih daripada sebuah pertandingan tilawah, musabaqah ini merupakan wadah penting dalam membentuk generasi belia yang beriman, berakhhlak mulia, serta mampu menjadi pemimpin masyarakat yang unggul. Inisiatif ini juga selari dengan usaha menjayakan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035, yang menekankan pembangunan belia secara holistik dari sudut akal, jasmani dan rohani, berpaksikan prinsip Melayu Islam Beraja dan Maqasid Syariah.

Tahun ini juga sangat bermakna kerana kita bakal menyambut Hari Belia Kebangsaan Ke-20, iaitu pada 1 Ogos 2025, dan ini menandakan dua dekad usaha berterusan dalam memperkasa belia sebagai tonggak masa depan negara. Lebih menggembirakan, musabaqah kali

ini mencatat penyertaan tertinggi, iaitu seramai 93 orang peserta, termasuk 41 peserta baharu. Ini satu pencapaian yang amat membanggakan dan menggambarkan peningkatan minat serta kecintaan belia terhadap Al-Quran.

Peramba / kaola / saya juga ingin menekankan bahawa musabaqah ini terbuka kepada semua belia, tanpa mengira latar belakang akademik mahupun bidang pengajian. Al-Quran adalah petunjuk hidup sejagat, dan belia yang cemerlang ialah mereka yang menjadikan Al-Quran sebagai panduan hidup - bukan sekadar untuk dibaca dan dilakukan, tetapi juga untuk dihayati dan diamalkan dalam kehidupan sehari-hari.

Kita mahu membina sebuah generasi belia Brunei yang seimbang - yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, profesional dan kemahiran, tetapi juga teguh nilai moral dan spiritualnya. Maka itu, program ini menjemput penyertaan dari belia yang datang daripada pelbagai latar belakang pengajian dan kerjaya, agar mereka turut merasai keindahan mendekati dan mempelajari Al-Quran.

Amalan membaca Al-Quran secara konsisten dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran dapat meningkatkan ketenangan jiwa dan mengurangkan tekanan emosi serta meredakan perasaan gelisah, cemas dan stres. Membaca Al-Quran bukan sahaja memenuhi tuntutan agama,

baik ia juga merupakan satu jalan untuk membina kecemerlangan diri secara menyeluruh.

Dengan membaca Al-Quran juga, kita akan memperoleh syafaat pada hari kiamat seperti mana dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya : "Bacalah Al-Quran. Sebab, ia akan datang memberikan syafaat pada hari kiamat kepada pembacanya". (Hadis riwayat Ahmad)

Untuk akhirnya, peramba / kaola / saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua peserta Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan pada tahun ini khususnya para peserta yang telah berjaya ke peringkat akhir.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada ahli jawatankuasa, agensi-agensi kerajaan khususnya Kementerian Hal Ehwal Ugama, panel hakim dan semua pihak yang terlibat dalam sama-sama menjayakan majlis musabaqah yang sangat bermakna dan bermanfaat ini. Semoga segala tenaga dan usaha yang telah dicurahkan ini mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala juga serta memberi manfaat yang berpanjangan kepada agama, bangsa dan negara.

Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah
Wassalamu'alaiikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

WAKTU SEMBAHYANG

JULAI MASIHI	HARI	MUHARAM HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
2	RABU	6	4.38	4.48	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
3	KHAMIS	7	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.36	7.52
4	JUMAAT	8	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52
5	SABTU	9	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52
6	AHAD	10	4.39	4.49	6.13	6.37	12.26	3.52	6.37	7.52
7	ISNIN	11	4.39	4.49	6.13	6.37	12.26	3.52	6.37	7.52
8	SELASA	12	4.39	4.49	6.14	6.38	12.26	3.52	6.37	7.52

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
31 °C Pekan Bangar	32 °C Pekan Tutong	31 °C Kuala Belait
24 °C Pekan Bangar	24 °C Pekan Tutong	24 °C Kuala Belait
31 °C Wallauhala Bissawab	32 °C www.met.gov.bn	31 °C Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

SIDANG PENGARANG

2 JULAI 2025

Pengibaran bendera manifestasi cinta, kesetiaan kepada raja

PENGIBARAN bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun merupakan simbol penghormatan dan taat setia rakyat dan penduduk di negara ini kepada raja yang dikasihi.

Tradisi pengibaran bendera ini bukan sahaja memperindah suasana bahkan juga menyemai semangat perpaduan dan cinta kepada negara. Di samping itu, untuk memperkuatkan hubungan antara raja dan rakyat serta menyemai nilai-nilai murni seperti kesyukuran, hormat-menghormati, dan semangat kebangsaan.

Sehubungan itu, pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) berukuran 3.7m x 7.5m di kawasan lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, ibu negara telah menandakan bermulanya pengibaran bendera peribadi masing-masing termasuk di bangunan-bangunan dan premis-premis perniagaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diraikan setiap 15 Julai.

Kita selaku rakyat dan penduduk di NBD yang taat setia kepada kedaulatan negara, maka adalah menjadi satu kewajipan dan tanggungjawab kita untuk mengibarkan bendera dengan megahnya dengan tatacara dan peraturan yang betul sama ada ketika menaikkan dan memasangnya.

Oleh itu, setiap bendera hendaklah diletakkan di tempat yang mulia dan terhormat kerana bendera melambangkan kedaulatan negara dan bangsa serta mengibarkannya mengikut peraturan dan cara yang telah ditetapkan dengan memastikan bendera tersebut dalam keadaan yang baik, bersih, tidak kotor dan koyak, tidak pudar dan lusuh serta masih utuh keadaannya.

Di samping itu, pengibaran bendera ini adalah sebagai salah satu lambang kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai pemimpin negara. Selain menzahirkan rasa syukur atas pemerintahan baginda yang adil, berwawasan dan berjiwa rakyat.

Pengibaran bendera juga merupakan tradisi menyatakan rakyat dari pelbagai latar belakang dalam semangat patriotisme dan nasionalisme. Perkara ini dapat dilihat apabila masyarakat di negara ini mengibarkan bendera di setiap rumah, bangunan dan premis perniagaan.

Dengan pengibaran bendera NBD sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini bukan sekadar satu amalan simbolik bahkan sebagai satu manifestasi cinta, kesetiaan, dan penghargaan rakyat dan penduduk negara ini kepada raja dan negara.

- Ketua Penyuntingan (Rd)

PENDIDIKAN KUNCI KEPADA PERUBAHAN POSITIF, TRANSFORMATIF



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Perasmian Persidangan Majlis Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) Kali Ke-53 bertempat di The Empire Brunei.

>> Muka 1

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah seterusnya bersabda, komitmen teguh SEAMEO yang tidak berbelah bahagi terhadap pendidikan berkualiti dan pembangunan sumber manusia, yang merangkumi usaha dalam dialog dasar, pembangunan kapasiti, serta amalan pendidikan inovatif, telah memperkasa kehidupan ramai dan mengukuhkan atas kemajuan dalam masyarakat kita.

"Berdasarkan sejarah yang kukuh serta kepakaran yang mendalam, saya berharap SEAMEO dapat terus memanfaatkan kedudukannya yang unik untuk merintis penyelesaian yang berimpak tinggi, terutamanya dalam memacu agenda Pendidikan Hijau

serta menyumbang secara signifikan kepada tiga tonggak utama komuniti ASEAN," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

DYTM seterusnya bersabda bawanya tema mesyuarat tahun ini, iaitu 'Greening Education for a Sustainable Southeast Asia : Empowering Change through Collective Action' adalah amat relevan dan tiba pada masa yang sangat tepat.

"Kita sedang berdepan dengan cabaran mendesak termasuk perubahan iklim yang memberi kesan kepada kehidupan dan pembangunan mampan dalam dan juga luar rantau kita.

"Cabaran ini menyerlahkan peranan penting pendidikan dalam pembangunan mampan, yang seajar dengan komitmen SEAMEO untuk menyokong Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN SDG)," sabda DYT

lagi.

Dalam sabda, DYT amat yakin bahawa pendidikan adalah kunci kepada perubahan yang positif dan transformatif serta menjadi tanggungjawab kita untuk melengkapkan serta memperkasa generasi masa depan dengan ilmu dan kemahiran yang diperlukan bagi menghadapi dan mengatasi cabaran ini.

Sabda DYT lagi, perkara ini memerlukan integrasi yang menyeluruh terhadap prinsip dan amalan kemampaman dalam semua aspek pendidikan, termasuk kurikulum, kaedah pengajaran, operasi sekolah, penglibatan masyarakat serta budaya institusi, demi menangani cabaran yang saling berkaitan dari segi alam sekitar, sosial dan ekonomi.

Pendekatan holistik ini sabda DYT, amat penting sekiranya kita ingin menangani kerumitan isu-isu tersebut.

"Sebagai sebuah organisasi peneraju, SEAMEO berada di barisan hadapan dalam menyediakan penyelesaian mampan yang berimpak tinggi. Peranannya sangat penting bagi memastikan rantau kita terus berkembang maju, kekal kompetitif dan berdaya tahan dalam menghadapi perubahan global.

"Maka, saya menggesa semua pendidik, penggubal dasar serta pusat-pusat serantau untuk memperkuuh penyelidikan kolaboratif, berkongsi pengalaman serta dapatkan berdasarkan bukti ke arah inovasi dan memastikan dasar pendidikan disokong oleh penyelidikan yang kukuh demi pembangunan mampan," sabda DYT lagi.

Sabda DYT lagi, hari ini menandakan detik penting apabila kita bersama-sama memperbaharu

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar

memperkuuh komitmen terhadap pendidikan mampan. Dalam mengorak langkah ke hadapan, SEAMEO perlu memimpin, memberi galakan dan inspirasi kepada pihak lain untuk turut serta dalam usaha kolaboratif ini demi manfaat semua lapisan masyarakat.

Negara Brunei Darussalam sabda DYT, sebagai contoh, komited terhadap Pelan Pendidikan Hijau, yang menyediakan hala tuju untuk mengintegrasikan kemampaman dalam pendidikan dan pelan ini akan secara aktif mempromosi amalan mampan dalam institusi pendidikan, serta memupuk rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar.

"Bersama dengan Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCP), Pelan Pendidikan Hijau ini mengukuhkan aspirasi negara untuk menyokong UN SDGs.

"Pencapaian matlamat ini memerlukan dasar yang tersusun, rangka kerja yang teratur dan tekad bersama rakyat kita," sabda DYT.

Dalam hal ini, DYT mengiktiraf pendekatan proaktif Kementerian Pendidikan untuk memastikan sektor pendidikan sejajar dengan pembangunan negara serta agenda kemampaman global yang lebih menyeluruh.

"Saya amat berbesar hati melihat komitmen jitu semua ahli terhadap visi dan misi bersama SEAMEO. Kelangsungan dan keberkesanannya di seluruh rantau ini bergantung kepada masyarakat yang berdedikasi dan bersemangat tinggi dalam merealisasikan

matlamatnya.

"Saya mengucapkan selamat bersidang dan semoga persidangan ini membawa hasil yang bermakna serta mengukuhkan semangat kerjasama kita dalam usaha kita memperbaharu dan mengukuhkan komitmen kolektif ini," sabda DYT lagi.

Bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, DYT sekali lagi mengucapkan tahniah kepada SEAMEO atas ulang tahunnya yang ke-60 dan berharap persidangan ini akan menghasilkan keputusan yang produktif dan berimpak tinggi ke arah pembangunan yang bermakna merangkumi tiga tonggak utama Komuniti ASEAN.

Terdahulu, dalam sabda DYT sukatanya mengalu-alukan kehadiran Menteri-menteri Pendidikan, pemimpin-pemimpin pendidikan serta para delegasi SEAMEO. Kehadiran semua merupakan bukti kukuh terhadap tekad bersama dan komitmen padu kita dalam membentuk masa depan Asia Tenggara yang lebih berdaya tahan, bersatu dan gemilang.

DYT juga merakamkan penghargaan terhadap legasi SEAMEO yang berterusan dan peranan penting dalam memupuk kerjasama serantau dalam bidang pendidikan, sains dan budaya.

Sempena ulang tahunnya yang ke-60, DYT mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan atas enam dekad kepimpinan yang bersifat transformasi.

Berangkat ke Majlis Perasmian Persidangan SEAMEO Ke-53

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar



JERUDONG, Selasa, 1 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pagi tadi berkenan berangkat menghadiri Majlis Perasmian Persidangan Majlis

Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) Kali Ke-53 bertempat di The Empire Brunei.

Terdahulu, keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; dan Setiausaha Pendidikan, Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Juan Edgardo Sonny Angara yang juga selaku Presiden Majlis SEAMEO.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menghadiri Majlis Perasmian Persidangan Majlis Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) Kali Ke-53 (atas dan atas kiri). Manakala gambar atas kiri sekali, Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Majlis perasmian dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Majlis kemudian diteruskan dengan sembah alu-aluan oleh Menteri Pendidikan yang antara lain merafakkan sembah settinggi-tinggi menjunjung kasih

atas limpah kurnia perkenan Duli Yang Teramat Mulia berangkat ke Majlis Perasmian Persidangan SEAMEO Kali Ke-53 dan seterusnya berkenan mengurniakan sabda perasmian persidangan, melancarkan Pelan Pendidikan Hijau Kementerian Pendidikan serta berangkat untuk menyaksikan pameran.

>> Muka 4



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyempurnakan perasmian Persidangan SEAMEO Ke-53 dan seterusnya Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambahan (kiri dan atas).

>> Muka 3

Keberangkatan Duli Tuanku ke Persidangan ini sembah Yang Berhormat, amat bermakna dan mencerminkan tanda keprihatinan serta pemenduluan yang sangat mendalam dan berterusan Duli Tuanku terhadap peranan Majlis SEAMEO dalam memperkuuh kerjasama serantau dalam penggubalan dasar pendidikan yang bersifat

strategik.

"Bertemakan 'Greening Education for a Sustainable Southeast Asia: Empowering Change through Collective Action', mencerminkan aspirasi kita bersama untuk memupuk warganegara yang mementingkan alam sekitar dan membentuk berdaya tahan sistem pendidikan yang bertindak balas secara proaktif kepada global cabaran."

"Bersama-sama, marilah kita memupuk ekosistem pendidikan yang melindungi alam sekitar kita dan memastikan warisan yang mampan untuk generasi akan datang," sembah Yang Berhormat lagi.

DYTM seterusnya berkenan mengurniakan sabda dan seterusnya menyempurnakan perasmian Persidangan SEAMEO Ke-53 serta berkenan melancarkan Pelan Pendidikan Hijau Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.

Majlis kemudiannya diikuti dengan pelancaran video dan ucapan alu-aluan daripada Setiausaha Pendidikan, Republik Filipina.

Dalam sembahnya, Tuan Yang Terutama mengongsikan pelancaran 7-7-7, iaitu inisiatif utama sebagai Presiden Majlis SEAMEO. Nama tersebut

mencerminkan semangat kepimpinan kami, sejajar dengan tujuh bidang keutamaan SEAMEO dan diperkuuh oleh tujuh perkongsian strategik merentas sektor dan institusi.

Program tersebut sembah TYT lagi, menangani isu penting dan mendesak antaranya seperti penjagaan awal kanak-kanak, pendidikan guru, meneroka cara baharu pembelajaran daripada sokongan kesihatan mental kepada kelayakan mikro dan Kecerdasan Buatan (AI).

TYT turut menyembah Ulang Tahun Ke-60 SEAMEO dan Persidangan SEAMEO Ke-53 membuktikan komitmen bersama dalam transformasi pendidikan di seluruh rantau untuk generasi akan datang.

Majlis diteruskan dengan tayangan video Ulang Tahun Ke-60 SEAMEO dan

persebahan koir lagu SEAMEO.

DYTM seterusnya berkenan menandatangani buku Lembaran Kenangan Pelan Pendidikan Hijau.

DYTM kemudiannya berkenan menerima mengadap menteri-menteri dan wakil dari 11 negara anggota serta Pengarah Sekretariat SEAMEO sebelum dijunung untuk bergambar ramai.

Persidangan berlangsung selama tiga hari, iaitu bermula 1 hingga 3 Julai 2025 dan menghimpunkan delegasi dari 11 buah negara, yang terdiri daripada Menteri-menteri Pendidikan, ahli persekutu, ahli bergabung, pegawai-pegawai kanan dalam bidang pendidikan, wakil-wakil dari pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan rakan strategik SEAMEO.



DYTM berkenan menerima mengadap menteri-menteri dan wakil dari negara anggota serta Pengarah Sekretariat SEAMEO.



DYTM dijunung untuk bergambar ramai (atas). Manakala gambar kiri, antara yang hadir pada perasmian persidangan tersebut. Sementara gambar bawah dan bawah kiri, antara persembahan yang disebahkan pada persidangan berkenaan.



DOA KESYUKURAN SEMPENA PUJA USIA DYT M PADUKA SERI PENGIRAN MUDA 'ABDUL MALIK

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Ak. Mohd Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 1 Julai. - Sempena Memperingati Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang Ke-42 Tahun, YAYASAN SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH (YSHHB) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bertempat di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB, di sini.

Berangkat ke majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, selaku Pengurus Jemaah Tadbir YSHHB.

Menjunjung keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, selaku Ahli-ahli Jemaah Tadbir YSHHB; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku

Pengurus Lembaga Pengarah YSHHB; dan Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan diikuti dengan bacaan Doa Kesyukuran Hari Ulang Tahun Puja Usia DYT Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik yang Ke-42 Tahun oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Awang Murat.

Majlis diteruskan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Pada majlis tersebut, DYT berkenan memotong kek Ulang Tahun Puja Usia dan menerima sembah daripada YSHHB.

DYT diputerakan pada 19 Ramadan 1403 Hijrah bersamaan 30 Jun 1983 Masihi.

DYT dilantik menjadi Pengurus Jemaah Tadbir YSHHB pada 18 Jamadilakhir 1434 bersamaan 1 Mac 2013.

Menerajui pucuk pimpinan tertinggi di YSHHB, DYT sangat prihatin terhadap pengurusan dan perkembangan YSHHB. DYT juga sering berkenan mempergerusikan mesyuarat Jemaah Tadbir, meninjau dan melibatkan diri dalam apa jua projek dan aktiviti yang diusahakan dan dianjurkan YSHHB.

Semasai majlis tersebut juga, DYT berkenan menyempurnakan Pengurniaan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengurus Jemaah Tadbir YAYASAN SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH (YSHHB) berkenan berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia (atas). Manakala gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan memotong Kek Ulang Tahun Puja Usia.

Anak-anak Kunci Rumah Bantuan Skim Perumahan YSHHB kepada lima buah keluarga yang kurang berkemampuan.

Para penerima tersebut ialah Awang Muhammad Saiful Hazim bin Abdullah dari Daerah Brunei dan Muara; sementara Dayang Hajah Kasum binti Haji Suhaili dari Daerah Belait; manakala tiga penerima bagi Daerah Temburong terdiri daripada Awang Jahan bin Piut, Dayang Norinsan binti Mohammad Ali dan Dayang Rokiah anak Pagan.

Rumah bantuan di bawah Skim Perumahan YSHHB dikhushuskan kepada rakyat yang kurang berkemampuan, terutamanya mereka yang tinggal di kediaman yang daif dan tidak selamat untuk didiami.

Projek pembinaan rumah

bantuan adalah menepati hala tuju strategik YSHHB dalam mempertingkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pemeliharaan terhadap keperluan asasi golongan yang memerlukan yang seterusnya dihasratkan bagi memberikan mereka peluang untuk memperbaiki taraf hidup keluarga dari segi sosial, ekonomi, dan kesejahteraan keseluruhan.

Hadir pada majlis tersebut ialah Ahli-ahli Jemaah Tadbir YAYASAN, Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim; para jemputan khas, pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB, serta guru-guru Sekolah YSHHB.



DULI Yang Teramat Mulia dijunjung bergambar ramai bersama para penerima Pengurniaan Anak-anak Kunci Rumah Bantuan Skim Perumahan YSHHB.



DYT berkenan menyempurnakan Pengurniaan Anak-anak Kunci Rumah Bantuan Skim Perumahan YSHHB kepada salah seorang penerima (atas).



SEBAHAGIAN daripada yang hadir di majlis berkenaan (kiri dan kiri sekali).

MASJID BAHARU RPN KAMPUNG LUGU DIJANGKA SIAP JULAI 2026



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei, dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Mendirikan Tiang Masjid Baharu berkenaan. Laungan Azan mendirikan tiang masjid baharu secara beramai-ramai dipimpin oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, ketika acara menuang simen yang didahului oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

LUGU, Selasa, 1 Julai. - Penduduk Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Lugu dan sekitarnya akan mempunyai sebuah bangunan masjid baharu

yang dijangka siap pembinaannya pada bulan Julai 2026.

Sehubungan dengan itu, Majlis Mendirikan Tiang Masjid Baharu bagi masjid berkenaan

diadakan pada pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat bersama pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohd. Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ahli-ahli MUIB; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN); Setiausaha-setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pembangunan; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan dari KHEU dan Kementerian Pembangunan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan laungan azan dan bacaan zikir mendirikan tiang masjid baharu secara beramai-ramai dipimpin oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

Seterusnya, acara menuang simen yang didahului oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan, diikuti oleh para jemputan khas.

Tetamu-tetamu kehormat serta para jemputan berkesempatan mendengar taklimat mengenai ciri-ciri reka bentuk bangunan masjid baharu berkenaan yang disampaikan oleh Pemangku Pereka Kanan sebagai Pegawai Projek, Awang Mohammad Aliff bin Haji Awang Madial dari Bahagian Arkitek, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamat dibacakan oleh

Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Keseluruhan kapasiti masjid baharu Kampung Lugu ini boleh menampung seramai lebih kurang 2,500 orang jemaah, yang mana antara kemudahan yang disediakan di masjid tersebut termasuk bilik kuliah, bilik perpustakaan, bilik pengurusan jenazah, tandas serta tempat letak kereta termasuk tandas dan tempat letak kereta untuk Orang Kelainan Upaya.

Bangunan masjid baharu ini dibina atas sebidang tanah berkeluasan lebih kurang 7.7 ekar dengan menggunakan peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara yang berjumlah BND9.27 juta.



PEMANGKU Pereka Kanan sebagai Pegawai Projek, Awang Mohammad Aliff bin Haji Awang Madial dari Bahagian Arkitek, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya ketika menyampaikan taklimat mengenai ciri-ciri reka bentuk bangunan masjid baharu berkenaan.

KAEDAH PEMBAYARAN CUKAI BANGUNAN

JABATAN - JABATAN BANDARAN



PEMBAYARAN SECARA TUNAI



DALAM TALIAN / OCBS PORTAL



PEMBAYARAN MELALUI KAD KREDIT



PEMBAYARAN MENGGUNAKAN CEK ATAS NAMA KERJAAN BRUNEI

Cukai Bangunan dan tunggakan hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya 31 Disember setiap tahun bagi mengelak tindakan undang-undang

JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN Bahagian Kaunter Perkhidmatan, Tingkat 3	Isnin - Khamis 8:00 pagi - 2:30 petang Sabtu 8:00 - 10:30 pagi	+673 2244151
JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA Kaunter Pembayaran (Aras Bawah)	Isnin - Khamis 8:00 pagi - 12:00 tengahari 1:30 - 3:00 petang Sabtu 8:00 - 10:00 pagi	+673 3330781-5
JABATAN BANDARAN TUTONG Lantai Bawah	Isnin - Khamis 8:00 pagi - 11:00 pagi 1:45 - 3:00 petang Sabtu 8:00 - 10:00 pagi	+673 4221232 / 8282965

Dikemaskini pada: 20 Januari 2025

Jabatanbandaran.bsb Bandarankbsra Bandaran_tutong

Kod pakaian, tatacara semasa di dalam Dewan Persidangan MMN

Siaran Akhbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Jun. - Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dibuka kepada orang awam yang berminat untuk melihat dan mendengarkan perbahasan dan perbincangan.

Orang awam yang berminat dialu-alukan untuk menghadiri dan menyaksikan sesi perbahasan secara langsung di Dewan Persidangan bermula pada 4 Ogos 2025.

Perkhidmatan peralihan bahasa dalam bahasa Inggeris (*translation services in English*) juga tersedia dengan permohonan sekurang-kurangnya 24 jam sebelum kehadiran.

Pelawat dan orang ramai yang berminat untuk menghadiri sesi persidangan adalah dipohonkan untuk mematuhi beberapa peraturan dan garis pandu persidangan khususnya berkenaan dengan kod pakaian dan tatacara memasuki Dewan Persidangan bagi

memastikan keselesaan serta kelancaran sepanjang sesi berlangsung, termasuk Kod Pakaian Rasmi, iaitu pakaian kemas dan sopan seperti yang dinyatakan dalam peraturan; telefon bimbit perlu diaktifkan kepada mod senyap; dan tidak dibenarkan mengambil gambar atau video tanpa kebenaran.

Institusi pendidikan dijemput untuk membawa penuntut-penuntut sebagai pendedahan mengenai MMN termasuk proses perundangan negara dan perbahasan di dalam Dewan Persidangan MMN.

Permohonan lawatan boleh dibuat

melalui surat rasmi kepada Urus Setia MMN sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh lawatan.

Rakaman persidangan harian boleh diikuti melalui saluran RTB Perdana dan RTB SukmaIndera pada pukul 9.00 malam bagi rakaman sesi pagi dan diikuti lagi pada pukul 11.00 malam bagi rakaman sesi petang.

Dokumen Rasmi persidangan seperti Penyata Rasmi (*Hansard*), Minit Mesyuarat dan Perintah Harian bolehlah diakses melalui laman sesawang www.majlis-mesyuarat.gov.bn atau majlis.mesyuarat@jmm.gov.bn.

www.councils.gov.bn.

Maklumat terkini dan perkembangan persidangan juga akan diterbitkan dalam Instagram rasmi [@legcobrunei](https://www.instagram.com/legcobrunei).

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut bolehlah dikemukakan kepada Urus Setia MMN ke alamat Urus Setia Majlis Mesyuarat Negara, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Jalan Dewan Majlis, BB3910, Negara Brunei Darussalam atau telefon +673 2380501 atau faks +673 2385500 atau e-mel majlis.mesyuarat@jmm.gov.bn.

BENDERA BESAR BERKIBAR MEGAH DI IBU NEGARA



Oleh: Haniza Abdul Latif
Foto: Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 1 Julai. - Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) menandakan bermulanya pengibaran bendera peribadi masing-masing bagi Pengiran-pengiran dan mereka yang dikurniakan gelaran; dan bendera NBD bagi orang ramai, termasuk di bangunan-bangunan dan premis-premis perniagaan.

Sehubungan itu, Upacara Pengibaran Bendera Besar NBD sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 telah berlangsung di Kawasan Lapang, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Kebangsaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025.

Terdahulu itu, upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat oleh Begawan Mudim Awang Haji Mat Salleh bin Haji Damit.

Kemudian, pasukan seramai 79 orang Pembawa Bendera NBD bergerak masuk, disusuli dengan pasukan Pengibaran Bendera Besar NBD yang terdiri daripada anggota-anggota Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) bergerak masuk dengan diiringi oleh Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei.

Selepas itu, penerimaan dan penyerahan Bendera Besar NBD yang berukuran 3.7m x 7.5m disempurnakan oleh tetamu kehormat untuk dinaikkan dan dikibarkan.

Penaikan dan pengibaran bendera dilakukan oleh anggota-anggota TLDB, sambil diiringi nyanyian Lagu Kebangsaan NBD, 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan oleh Pasukan Koir Sekolah Menengah Berakas, diikuti dengan nyanyian lagu 'Dirgahayu' dan 'Sanjungan Budi'.

Setelah itu, upacara diteruskan dengan penyerahan Bendera NBD berukuran 2.5m x 1.2m dan poster-poster sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 kepada Pemangku Pegawai-pegawai Daerah Brunei dan Muara, Belait, Tutong dan Temburong, diikuti dengan penyerahan poster-poster kepada



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bersama Jawatankuasa Kebangsaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 semasa hadir selaku tetamu kehormat Upacara Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) dan seterusnya menyerahkan Bendera Besar NBD untuk dinaikkan dan dikibarkan (kiri dan atas).

wakil-wakil kementerian-kementerian.

Upacara Pengibaran Bendera NBD di daerah-daerah juga diadakan, dan diteruskan dengan

penyerahan bendera NBD kepada Penghulu-penghulu Mukim di daerah masing-masing sejurus selepas Upacara Pengibaran Bendera Besar NBD.



YANG Berhormat semasa menyerahkan poster-poster sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 kepada Pemangku Pegawai-pegawai Daerah Brunei dan Muara.



PENAIKAN dan pengibaran bendera dilakukan oleh anggota-anggota Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), sambil diiringi nyanyian Lagu Kebangsaan NBD, 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan oleh Pasukan Koir Sekolah Menengah Berakas (atas dan kanan). Manakala gambar atas kanan, Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei pada upacara berkenaan.



Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79

Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Menaikkan dan Pengagihan Bendera Negara Brunei Darussalam (atas). Manakala gambar kanan, upacara berlangsung di pekarangan letak kereta, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Lapangan Terbang Lama Berakas.

BERAKAS, Selasa, 1 Julai. - Upacara Menaikkan dan Pengagihan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Tahun 2025 berlangsung dengan penuh adat istiadat di keempat-empat daerah di negara ini sebaik sahaja bendera besar negara dikibarkan di ibu negara.

Bagi peringkat Daerah Brunei dan Muara, Upacara Menaikkan dan Pengagihan Bendera

NBD berlangsung di pekarangan letak kereta, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Lapangan Terbang Lama Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Tanah Jambu, Awang Muhammad 'Atiffin

bin Abdul Latif.

Pada upacara berkenaan, tetamu kehormat majlis menyerahkan bendera kebangsaan NBD kepada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bagi Upacara Menaikkan Bendera dengan Menaikkan Bendera dengan diiringi Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Tetamu kehormat majlis seterusnya menyempurnakan pengagihan bendera-bendera dan penyampaian Sijil-sijil Penghargaan kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Pemangku Penghulu-penghulu Mukim, wakil-wakil dari Institusi-institusi Pengajian Tinggi, persekutuan-persekutuan, persatuan-persatuan, pihak-pihak swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), wakil Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei dan Muara, PPDB; pasukan Pancaragam Jabatan Bomba dan Penyelamat, pasukan koir Syababul Bahir, pasukan Kadet Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dan Voluntary First Aid Support Team (VFAST).

Turut hadir pada upacara berkenaan ialah pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Selain untuk sama-sama memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Tahun 2025, dan memupuk semangat kebangsaan serta kekeluargaan dalam diri masyarakat, upacara



berkenaan juga dihadirkan rakyat untuk mengibarkan bendera negara dengan mematuhi peraturan-peraturannya dalam jangka masa yang ditetapkan.



YANG Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Daerah Tutong (atas). Manakala gambar kiri, penyerahan Bendera Besar NBD oleh tetamu kehormat majlis kepada Pasukan Polis Diraja Brunei.

TUTONG, Selasa, 1 Julai. - Upacara Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 bagi Daerah Tutong diadakan pagi tadi di Kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan,

Daerah Tutong

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatiha dan Doa oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Bang Dalam Layong, Tutong, Awang Mohd. Amir bin Md. Noor.

Rombongan pembawa bendera negara diketuai oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, Awang Haji Haizul Rizal bin Haji Yahya telah diiringi oleh Pasukan Serunai dan Tambur Jabatan Penjara, Kadet Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Kadet Polis Diraja Brunei, Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat, Pasukan Pandu Puteri dan Pasukan Bulan Sabit Merah.

Sejurus itu penyerahan bendera negara kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri, yang kemudian menyerahkan kepada Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohammad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah, selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis diteruskan dengan penyerahan Bendera Besar NBD oleh tetamu kehormat majlis kepada Pasukan Polis Diraja Brunei untuk dinaikkan dan dikibarkan sambil diiringi dengan nyanyian Lagu

Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan'.

Acara juga turut diserikan dengan persembahan lagu 'Bendera Negara' oleh Kumpulan Koir Wira Bangsa dan penuntut-penuntut dari Sekolah Menengah Tanjong Maya Tutong yang kemudian diikuti dengan penyerahan bendera NBD kepada Penghulu-penghulu dan Pemangku Penghulu-penghulu Mukim Daerah Tutong yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; para jemputan khas; ketua-ketua jabatan dan cawangan kerajaan di Daerah Tutong; Penghulu-penghulu Mukim; Pemangku Penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku Ketua-ketua Kampung daerah Tutong.

Dengan berkibarnya Bendera Besar NBD ini menandakan bermulanya pengibaran bendera peribadi masing-masing bagi Pengiran-Pengiran dan mereka yang dikurniakan gelaran; dan bendera NBD bagi orang ramai, termasuk di bangunan-bangunan dan premis-premis perniagaan.

Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79

Daerah Belait

Oleh: Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
 Foto: Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



KUALA BELAIT, Selasa, 1 Julai. - Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 Peringkat Daerah Belait diadakan petang tadi di Taman Persiaran Cendera Kenangan, Jalan Sungai, Kuala Belait, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin

Haji Sabtu.

Atur cara dimulakan dengan kehadiran pembawa bendera NBD yang dibawa oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Abdul Faiq bin Haji Rani.

Sebaik sahaja Penolong Pegawai Daerah Belait tiba, bacaan Surah Al-Fatiyah dan Bacaan Doa Selamat bagi memohon keberkatan dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala agar Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun berjalan lancar diketuai oleh Imam Masjid



YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam bagi Daerah Belait (atas). Manakala gambar kiri, tetamu kehormat menyerahkan bendera kepada Pasukan Polis Diraja Brunei, Kuala Belait untuk dikibarkan.

Kampung Sungai Teraban, Kuala Belait, Awang Muhammad Nor Islam bin Mohd. Suria.

Sejurus selesai bacaan doa, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad seterusnya menyerahkan bendera kepada tetamu kehormat dan seterusnya diserahkan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei, Kuala Belait untuk dikibarkan.

Upacara Mengibarkan Bendera diiringi dengan lagu 'Allah Peliharakan Sultan' oleh Pasukan Koir Pusat Tingkatan Enam Belait.

Sesudah bendera dikibarkan, pasukan koir meneruskan persembahan dengan nyanyian lagu 'Bendera Negara'.

Selesai sahaja persembahan, tetamu kehormat dijemput untuk menyerahkan bendera-bendera NBD kepada Penghulu-penghulu

dan Pemangku - pemangku Penghulu Mukim serta wakil dari persatuan-persatuan di daerah Belait ini untuk dikibarkan selepas acara ini dijalankan.

Salah satu peranan dan tanggungjawab rakyat dan penduduk negara ini secara individu dalam sama-sama meraikan Sambutan Ulang Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah mengibarkan bendera kebangsaan NBD di halaman rumah masing-masing, iaitu sebagai simbol taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Negara Brunei

Darussalam dan menurunkannya mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan.

Juga hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 Peringkat Daerah Belait; ketua-ketua jabatan dan Cawangan Daerah Belait; Penghulu Mukim dan Pemangku-pemangku Penghulu Mukim; Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung; pengetua-pengetua sekolah daerah belait; pengarah-pengarah urusan syarikat-syarikat, ahli-ahli Majlis Perundungan Mukim dan Kampung di Daerah Belait serta wakil dari persatuan-persatuan.



TEMBURONG, Isnin, 1 Julai. - Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD)

sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

PASUKAN Polis Diraja Brunei ketika Upacara Menaikkan Bendera (kiri).

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Tahun 2025 bagi Daerah Temburong diadakan di kawasan letak kereta Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada upacara berkenaan, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan doa yang dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Belais, Mukim Bokok, Temburong, Awang Ahmad Muhtadi bin Madeli.

Acara didahului dengan penyerahan Bendera Besar NBD oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Bahar bin Haji Umar kepada tetamu kehormat majlis yang kemudiannya menyerahkan kepada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bagi Upacara Menaikkan Bendera dan disusuli dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan diteruskan dengan lagu 'Bendera Negara' oleh kumpulan koir daripada penuntut Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong.

Daerah Temburong

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
 Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi hadir selaku tetamu kehormat, menyerahkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam kepada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (atas).

Acara diteruskan lagi dengan penyerahan bendera NBD kepada Pemangku Penghulu-penghulu Mukim Daerah Temburong dan juga ketua-ketua cawangan jabatan-jabatan kerajaan Daerah Temburong.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, yang juga selaku Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau, Daerah Temburong; Pemangku Penghulu-

penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Pemangku Ketua-ketua Kampung, ketua-ketua cawangan jabatan - jabatan kerajaan, syarikat - syarikat swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Sehubungan dengan itu, orang ramai diminta bagi menaikkan bendera NBD dan bagi orang-orang yang bergelar diminta menaikkan bendera peribadi masing-masing bermula pada 1 Julai 2025.

DOA KESYUKURAN SEMPENA PUJA USIA DYT M

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II semasa hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ke-42 (atas kanan). Sementara gambar atas, sekitar majlis berkennaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Jun. - Sesungguhnya kami dan seluruh warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) merafakkan rasa syukur di atas nikmat tuhan yang telah mengurniakan kebajikan kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Sesungguhnya kami benar-benar memohon supaya tuhan kami mengurniakan nikmat yang sempurna lagi menyeluruh kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raab'i'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji

Bolkiah dan ahli kerabat Duli Yang Teramat Mulia khasnya nikmat Islam dan nikmat iman, nikmat taufik hidayah, nikmat sihat afiat, nikmat lanjut usia, nikmat kekuatan, nikmat hati terang dan fikiran tenang, nikmat perlindungan dan pemeliharaan daripada dosa.

Demikian antara petikan doa yang dipohonkan pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik Ke-42 Tahun bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, hari ini.

Dalam doa yang dipanjatkan seterusnya memohon, "Ya Allah lindungi agama kami, lindungi raja kami, lindungi ahli kerabat baginda dan sekalian rakyat jelata daripada

segala keburukan dan kejahatan, sama ada berupa bala bencana atau malapetaka, ancaman-ancaman dan hasutan-hasutan, pendeknya segala macam keburukan yang tidak diingini".

Majlis yang diadakan oleh JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya itu dihadiri oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku tetamu khas majlis.

Turut hadir, Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan serta pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin berama-rama yang dikepalai oleh Imam Masjid Ash-Shaliheen, Awang Mohammad Syariff Wafiuddin bin Jemain, diikuti dengan Doa Khas yang dibacakan oleh Imam masjid itu, Awangku Muhammad Rafiuddin bin Pengiran Ramle.

Setelah itu, majlis kemudian diakhiri dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Majlis Doa Kesyukuran berkennaan diadakan sebagai tanda merafakkan syukur dan seterusnya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar melimpahkan kurnia kesihatan, panjang umur dan kesejahteraan Kehadapan Majlis DYTM dan juga kerabat diraja yang lain.



134 warga Kementerian Pembangunan terima pingat P.K.L

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Julai. - Kementerian Pembangunan hari ini mengadakan Majlis Penyempurnaan Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam, Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Penyampaian pengurniaan P.K.L yang berlangsung di Dewan Mawaddah, Setia Point, Berakas berkenaan disempurnakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat. Kemudian diteruskan dengan penyampaian P.K.L kepada seramai 134 penerima yang terdiri daripada 61 lelaki dan 73 perempuan.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-undang), Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Norazmi bin Othman; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, serta para penerima yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis berkenaan merupakan satu bentuk pengiktirafan dan penghargaan dari pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada individu yang telah berkhidmat lebih dari 20 tahun atas jasa dan sumbangan bakti yang telah diberikan sepanjang mereka berkhidmat.

Para penerima P.K.L hari ini menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan yang mereka terima termasuk salah seorang penerima yang ditemu bual oleh Pelita Brunei.

Penyelia Pejabat di Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya, Pengiran Nur Qamarina Laili binti Pengiran Haji Jalaludin berasa bersyukur atas pengurniaan tersebut sebagai pengiktirafan buat dirinya yang sudah berkhidmat selama 22 tahun setakat ini.

Pengiran Nur Qamarina Laili yang sebelumnya menerima Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) pada tahun ini juga berasa amat bersyukur dan gembira atas penghargaan yang telah diberikan, seterusnya berbangga kerana khidmat baktinya demi Kerajaan Kebawah DYMM.

"Saranan saya kepada mereka yang masih dan baru berkhidmat agar sentiasa meningkatkan mutu kerja, komitmen dan disiplin dalam bekerja.

"Bukan itu saja, haruslah memiliki tanggungjawab yang lebih besar untuk terus memberikan yang terbaik dalam perkhidmatan," ujarnya lagi.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa menyempurnakan penyampaian pengurniaan Pingat Kerja Lama (P.K.L) kepada salah seorang penerima.

Transformasi hijrah dalam kerja berdasarkan prinsip Islam



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Ialal Hijrah 1447 bertempat di Dewan Tripartite, Tingkat 1, Ibu Pejabat Jabatan Buruh (kiri).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Jun. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Sambutan Ialal Hijrah 1447 bertempat di Dewan Tripartite, Tingkat 1, Ibu Pejabat Jabatan Buruh.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmadaddin bin Haji Abdul Rahman.

Bertemakan 'Semarak Hijrah Mencapai Kecemerlangan Yang Mampan', majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang

diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Muhd. Khairul Ikhwan bin Haji Abdul Kifli.

Majlis ini juga diserikan dengan ceramah khas bertajuk 'Transformasi Hijrah Dalam Etika Kerja' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Awang Mohammad Nasyith bin Superi, selaku penceramah jemputan.

Antara inti pati ceramah yang disampaikan ialah transformasi hijrah dalam etika kerja mengacu pada perubahan mendasar dalam sikap, perilaku, dan cara seseorang bekerja berdasarkan prinsip-prinsip Islam atau nilai-nilai kebaikan yang lebih luhur.

Dalam konteks ini, hijrah bukan hanya bermaksud berpindah

tempat secara fizikal, tetapi ia lebih kepada perubahan mental, spiritual, dan moral menuju keadaan yang lebih baik.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan.

Pada tahun ini, majlis dikendalikan oleh Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, dan kakitangan KHEDN serta jabatan-jabatan di bawahnya.

MEMUPUK PERTUMBUHAN INOVASI, PEMBANGUNAN TENAGA KERJA



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ketika berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Julai. - Pada tahun 2024, prestasi ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD) menunjukkan kekuatan dan perkembangan positif, setelah mencatat pertumbuhan KDNK 4.2 peratus - yang tertinggi sejak 1999.

Perkara ini telah dikongsikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa menyampaikan ucaptama pada sesi petang Persidangan Perniagaan Brunei (BBC) 2025 yang berlangsung Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong hari ini.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II berkata Negara Brunei Darussalam, strategi pembangunan negara adalah tertumpu kepada Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat menjelaskan

Pelaburan serantau memacu transformasi ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Julai - Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN-BAC) dan Majlis Penasihat Perniagaan APEC Brunei Darussalam (ABAC) dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah menghoskan Persidangan Perniagaan Brunei (BBC) 2025 bertempat di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Persidangan BBC 2025 mengumpulkan penggubal dasar kanan, pemimpin perniagaan dan rakan kongsi serantau untuk turut serta dalam dialog strategik mengenai transformasi ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD) dan perannya dalam landskap serantau dan global yang berkembang pesat.

Antara tujuan persidangan ialah untuk meneliti bagaimana NBD boleh mempersiapkan ekonominya untuk masa depan yang didorong oleh pelaburan, integrasi serantau dan inovasi.

Persidangan dimulakan pada sebelah pagi dengan ucapan pembukaan daripada Ahli ASEAN-BAC dan Presiden Dewan Perniagaan Kebangsaan dan Industri Brunei Darussalam, Awang Haji Abdul Saman bin Haji Ahmad, dan Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Bank Brunei, Pengiran Aki Ismasufian bin Pengiran Haji Ibrahim selaku Pengurus ABAC.

Acara diteruskan dengan ucaptama dari Menteri

Oleh: Nurhamiza Haji Roslan
Foto: Azmah Haji Ahad

strategi ini adalah strategi jangka panjang yang dilancarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam lebih sedekad yang lalu pada tahun 2008 dan sejak itu dunia telah mengalami perubahan ketara.

Dunia kini menghadapi ketegangan geo-politik yang semakin meningkat dan ketidaktentuan perdagangan dan ekonomi yang berlatarbelakangkan inovasi teknologi dan globalisasi yang pesat. Justeru itu, ekonomi dunia kini berada di persimpangan utama.

"Di tengah-tengah cabaran dan ketidakpastian ini, kita harus terus menyusun strategi dan menyesuaikan diri dengan aliran yang berkembang. Di seluruh dunia, ini telah membawa kepada perubahan dalam ideologi, pengenalan dasar baharu dengan tumpuan yang lebih besar kepada isu-isu baru muncul."

"NBD tidak terkecuali dalam hal ini, justeru untuk menjamin masa depan kita, kita mesti merebut peluang hari ini dengan jelas, tekad dan melalui pendekatan seluruh negara," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat kemudian mengongsikan pada tahun 2024, prestasi ekonomi NBD menunjukkan kekuatan dan perkembangan positif, setelah mencatat pertumbuhan KDNK 4.2 peratus - yang tertinggi sejak 1999, dan selain itu sektor bukan minyak

dan gas menyumbang dengan ketara kepada ekonomi dan mencakupi lebih 50 peratus daripada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) dan 70 peratus daripada jumlah eksport.

"Ini adalah tanda-tanda yang menggalakkan dan bukti nyata bahawa usaha kita telah membawa hasil yang positif. Walau bagaimanapun, walaupun kita mengakui 'kemenangan kecil' ini, komitmen kami tetap tidak berbelah bahagi dalam memastikan kemakmuran ekonomi yang berterusan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat meneruskan lagi ucaptamanya dengan menyatakan NBD selama bertahun-tahun telah mengambil langkah penting untuk menyelaraskan dasar dan peraturan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih mesra pelabur, dan akan terus mengekalkan statusnya sebagai sebuah negara yang selamat dan stabil dari segi politik, terletak secara strategik di tengah-tengah Borneo dan menawarkan insentif cukai yang menggalakkan dan menarik.

"Berdasarkan asas ini, kita juga dipandu oleh 'Pelan Tindakan Ekonomi Brunei Darussalam' untuk memacu agenda kepelbagaian ekonomi kami ke hadapan sambil terus memupuk pertumbuhan, inovasi dan pembangunan tenaga kerja," tambahnya.

NBD juga katanya mengiktiraf peranan penting pendigitalan dan kecerdasan buatan (AI) dalam memacu pembangunan sosioekonomi, dan Pelan Induk Digital Brunei Darussalam 2025 merupakan inisiatif utama ke arah mencapai matlamat ini.

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin bertajuk 'Unlocking New Engines of Growth' dan kemudian perbincangan panel.

Perbincangan panel pertama disertai oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin; Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Daniel Leong; Ketua Pegawai Eksekutif, Brunei Fertilizer Industries (BFI) Sdn. Bhd., Dr. Harri Kiiski; Pengiran Aki Ismasufian dan dikendalikan oleh Pengarah Urusan Confer Sdn. Bhd., Allen Lai.

Topik perbincangan panel pertama ialah 'Brunei's Economic Outlook: Pathways To Growth'. Perbincangan dimulakan dengan ucapan daripada Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah yang antara lain mengemukakan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Menurut Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah, sepanjang tempoh 2017 hingga 2024, KDNK Negara Brunei Darussalam berkembang pada purata 1.0 peratus setahun dan telah didorong oleh pengembangan 4.1 peratus dalam sektor bukan minyak dan gas. Walaupun terdapat turun naik sepanjang tempoh tersebut, terutamanya semasa COVID-19

pada 2020 hingga 2021, NBD dapat pulih dengan baik sejak itu, mencapai pertumbuhan ekonomi keseluruhan sebanyak 4.1 peratus menjelang akhir 2024.

Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah juga mengongsikan dari segi usaha mempelbagaikan ekonomi, pada tahun 2017, sektor bukan minyak dan gas telah menyumbang sebanyak 43 peratus kepada jumlah keseluruhan KDNK dan pada tahun 2022, sumbangan sektor tersebut kepada KDNK telah mengatasi sektor minyak dan gas.

Menjelang tahun 2024, sektor bukan minyak dan gas menyumbang lebih 50 peratus kepada KDNK. Kemajuan yang sama juga dilihat dari segi eksport. Sejak tahun 2021, sumbangan pertumbuhan keseluruhan sektor bukan minyak dan gas telah meningkat secara ketara di mana eksport bukan minyak dan gas

pada 2024 menyumbang sebanyak 60 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Brunei. Sesi pagi kemudian diteruskan lagi dengan beberapa buah pembentangan dan perbincangan panel.

Pada sebelah petang, persidangan BBC 2025 dimulakan dengan ucaptama daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah yang bertajuk 'Building a Future-Ready Economy: Investment, Innovation

Kerjasama sepada memajukan ekonomi digital

Oleh: Nurhamiza Haji Roslan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Julai. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mencapai kemajuan yang ketara seperti melancarkan sambungan 5G, sistem e-pembayaran dan identiti digital, melalui pelancaran BruneiID yang tidak lama lagi.

Kemajuan ini memastikan NBD kekal di barisan hadapan dalam teknologi baharu, terus menarik pelaburan berkualiti dan memberi manfaat kepada perniagaan, khususnya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), termasuk usahawan wanita dan belia.

Perkara ini telah dikongsikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa menyampaikan ucaptama pada sesi petang Persidangan Perniagaan Brunei (BBC) 2025 yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong hari ini.

Untuk menyokong transformasi digital ini, Yang Berhormat menyatakan Akta Keselamatan Siber (2024) dan Perintah Perlindungan Data Peribadi (2025) telah diperkenalkan untuk memastikan ruang digital kekal selamat dan terjamin, seterusnya meningkatkan keyakinan pengguna dan perniagaan.

"Dalam semua ini, kita mengakui bahawa kita tidak boleh melakukan ini seorang diri. Kerumitan cabaran geo-ekonomi semasa yang semakin meningkat memerlukan tindak balas kolektif dan ini adalah yang terbaik dicapai melalui kerjasama berterusan dengan rakan kongsi ASEAN dan APEC," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat mengongsikan pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 di Kuala Lumpur, Pelan Strategik Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) 2026-2030 telah dilancarkan sebagai sebahagian daripada Wawasan Komuniti ASEAN 2045.

Pelan Strategik ini akan menjadi penting dalam membuktikan kerelevan, daya tahan dan keteguhan ASEAN pada masa hadapan di tengah-tengah trend global yang semakin berkembang ini.

Melengkapi komitmen ASEAN kita, NBD secara aktif mengambil bahagian dalam usaha integrasi ekonomi serantau yang lebih luas melalui APEC, di mana tumpuannya untuk menggalakkan perdagangan dan kemudahan pelaburan yang bebas dan terbuka serta meningkatkan kerjasama ekonomi dan teknikal di seluruh rantau Asia-Pasifik sejajar dengan matlamat pembangunan negara kita, jelas Yang Berhormat.

Untuk memajukan objektif ini, NBD juga merupakan pihak kepada 10 Perjanjian Perdagangan Bebas, yang kesemuanya menyediakan peluang ekonomi yang ketara untuk perniagaan termasuk melalui tarif yang lebih rendah, mengurangkan halangan kepada perdagangan dan mendapat akses kepada pasaran yang lebih luas, ujarnya lagi.

Yang Berhormat menyuarakan apabila dunia semakin terhubung secara digital, ASEAN sedang mengambil langkah untuk membangunkan peraturan dan piawaian bersama untuk memudahkan pertumbuhan ekonomi digital, melalui rundingan Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital ASEAN (DEFA).

Melalui DEFA katanya, ASEAN berusaha untuk membuka kunci potensi ekonomi dengan mengharmonikan peraturan perdagangan digital, meningkatkan e-Dagang, memudahkan aliran data rentas sempadan, memupuk kerjasama dalam keselamatan siber, mengintegrasikan PMKS dan membina platform untuk inovasi seperti kecerdasan buatan (AI).

Sebagai sebuah ekonomi pasaran kecil, NBD ingin menyelaraskan DEFA dengan Pelan Induk Ekonomi Digital dan oleh itu, adalah diharapkan potensinya dalam meningkatkan ekonomi digital terutamanya untuk PMKS.

Dalam menghadapi kerumitan global di hadapan kita, benar-benar ada 'kekuatan dalam bilangan'. Ini bukan sahaja merujuk kepada kerjasama antara negara, tetapi juga kerjasama antara sektor awam dan swasta, ujar Yang Berhormat.

"Oleh itu, saya mengalaukan kerjasama berterusan antara sektor awam dan swasta, seperti yang ditunjukkan oleh acara hari ini, ke arah menggalakkan dialog yang membina dan perkongsian pengetahuan," ujar Yang Berhormat.

Wawasan Brunei 2035 semakin hampir dan komitmen NBD tidak berbelah bagi untuk mencapai matlamat ini. Pelbagai inisiatif diadakan untuk memacu negara ke hadapan, pelaksanaan teguhnya memerlukan penyelarasian yang lancar dan inovasi yang konsisten merentas semua agensi kerajaan, di samping penyertaan aktif dan berterusan daripada sektor swasta.

Maka pendekatan seluruh negara inilah terangnya, yang akan menjadi asas untuk mengemudi kerumitan masa depan dan memastikan kemakmuran ekonomi rakyat kita yang berterusan, melangkaui 2035.

and Inclusive Growth'. Selesai ucaptama, Yang Berhormat dijemput untuk melancarkan laporan 'The State of Digital Economy and AI 2025 Brunei Darussalam Report'.

Sesi petang Persidangan BBC 2025 diteruskan dengan perbincangan panel bertajuk 'Digital Brunei: Payments, Platforms and Possibilities' yang disertai oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof. Perbincangan panel kedua pula ialah mengenai tajuk 'Energy Futures: Brunei's

Role in a Cleaner, Connected ASEAN' yang disertai oleh Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib.

Sesi petang persidangan juga turut diisi dengan pembentangan khas mengenai ekonomi digital Brunei.

Sebelum persidangan berlabuh tirai, ucaptama penutup bertajuk 'Tariffs, Shifting Trade, Evolving Alliances: What Global Changes Mean for ASEAN, APEC and Brunei' turut disampaikan oleh Ketua Dasar Perdagangan, Hinrich Foundation, Dr. Deborah Elms.

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI ADAKAN SAMBUTAN ILAL HIJRAH



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah yang berlangsung di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Julai. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi pagi tadi mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan

dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II,

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin

Siaran Akbar dan Foto: Kementerian Kewangan dan Ekonomi



CERAMAH khas yang bertajuk 'Sunnah Rasulullah Menghadapi Tekanan Hidup' disampaikan oleh Penolong Pensyarah di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Tekanan Hidup' dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Awal Tahun yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Haji Abdul Rahman bin Ajak.

Majlis ini merupakan salah satu aktiviti tahunan keagamaan Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang bertujuan untuk memperingati dan membesarlukan Sambutan Ilal Hijrah, di samping mengeratkan hubungan silaturahim antara pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian ini.

Majlis pada tahun ini diselenggarakan oleh Bahagian Pelaburan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Kukuhkan strategi, kerjasama merentas sektor untuk tingkatkan pengeluaran pertanian

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Julai. - Pelan Tindakan Ekonomi Wawasan Brunei 2035 telah mengenal pasti dan merangka tindakan pembangunan lima sektor keutamaan dalam usaha kepelbagaian ekonomi.

Lima sektor keutamaan tersebut ialah sektor minyak dan gas hilir, makanan, pelancongan, maklumat-komunikasi dan teknologi (ICT) dan perkhidmatan.

Perkara tersebut telah dikemukakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dalam ucaptamanya semasa Persidangan

Perniagaan Brunei (BBC) yang berlangsung hari ini di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Dalam membangunkan sektor makanan, Yang Berhormat berkata Kementerian Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) terus merangka dan mengukuhkan strategi serta kerjasama merentas sektor untuk meningkatkan pengeluaran pertanian dan perikanan, melalui penggunaan teknologi canggih, untuk memastikan keselamatan makanan serta menyokong inisiatif pemacu eksport.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa sektor pertanian dan perikanan secara

tradisinya dilihat sebagai industri konvensional dengan produktiviti yang rendah. Tapi kini, sektor tersebut dibayangkan semula sebagai pemangkin kepada inovasi, memastikan keselamatan makanan dan menggalakkan perusahaan hijau dengan pelaksanaan teknik pertanian moden yang meningkatkan hasil tuaian dan mengurangkan kerugian atau pembaziran.

"Saya ingin berkongsi bahawa dalam memajukan sektor makanan, penggunaan teknologi pertanian atau teknologi pertanian adalah penting dalam usaha dan inisiatif untuk mencapai matlamat pengeluaran mampan.

"Penyejaduan teknologi ke dalam pertanian telah mengubah dan merevolusikan amalan pertanian merentasi semua skala - daripada pekebun kecil kepada syarikat yang lebih besar," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menggariskan teknologi pertanian memainkan peranan penting dalam meningkatkan produktiviti pertanian dengan mengoptimalkan penggunaan sumber, meningkatkan hasil tanaman dan meningkatkan kecekapan operasi.

Teknologi utama yang memacu transformasi ini tambah Yang Berhormat lagi, termasuk pertanian ketepatan, penderia, peranti IoT (Internet of Things) dan analitik data yang dikuasakan oleh Kecerdasan Buatan, iaitu AI.

Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa penyelidikan dan pengalaman lapangan telah menunjukkan bahawa penggunaan teknologi moden, seperti rumah hijau, boleh meningkatkan produktiviti dan hasil tanaman sebanyak 30 hingga 40 peratus.

Yang Berhormat kemudian mengongsikan lagi contoh dalam konteks negara, iaitu penggunaan teknologi pemberian tanaman seperti 12 Varieti Hasil Tinggi, yang telah meningkatkan produktiviti beras dan mengandakan tahap sara diri daripada tiga peratus kepada lapan peratus dalam

beberapa tahun kebelakangan ini dan berharap jumlah ini akan meningkat kepada 10 peratus hingga 12 peratus dalam beberapa tahun akan datang.

Walaupun contoh-contoh yang telah disebutkan tertumpu terutamanya kepada sektor pertanian kata Yang Berhormat, peningkatan produktiviti yang serupa juga boleh diperhatikan dalam bidang lain seperti industri pembuatan dan perkhidmatan.

Menurut Yang Berhormat lagi, inovasi teknologi telah terbukti membawa kemajuan, terutamanya di mana kecekapan dan ketepatan masa adalah penting dalam industri ini dan antara teknologi transformatif yang memberi kesan kepada industri pengilangan ialah IoT, AI dan robotik.

Merujuk kepada hasil kajian daripada badan pemikir Amerika Syarikat, the Information Technology and Innovation Foundation (ITIF) jelas Yang Berhormat, kajian mendapati pengeluar kecil boleh meningkatkan produktiviti sehingga 50 peratus melalui penggunaan teknologi ini.

Dari satu lagi hasil kajian yang dibuat oleh syarikat Deloitte tambah Yang Berhormat, mereka melaporkan bahawa antara 2015 dan 2018, pengeluar yang mula menggunakan teknologi pintar mengalami peningkatan tahunan dalam produktiviti buruh lebih dari tiga peratus.

Yang Berhormat seterusnya berkata bahawa teknologi juga meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam sektor perkhidmatan seperti penjagaan kesihatan, kewangan, pendidikan, pengangkutan, hospitaliti dan peruncitan dengan memperkemas proses dan mengurangkan ralat.

"Contohnya, aplikasi pintar telah meningkatkan kecekapan dalam sektor pengangkutan sebanyak 10 hingga 40 peratus menjadikan mobiliti lebih selamat, pantas dan mudah."

"Walaupun teknologi menawarkan potensi besar



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa berucap.

untuk pembangunan perniagaan, beberapa cabaran kekal dalam penggunaannya.

"Ini termasuk kos pelaburan awal yang tinggi, terutamanya untuk syarikat berskala kecil dan mereka di daerah membangun. Kekurangan pengetahuan teknikal, dan kehadiran jurang digital menghalang lagi penggunaan teknologi," ujar Yang Berhormat lagi.

Dengan membawa tema 'Membina Ekonomi Sedia Masa Depan : Pelaburan, Inovasi dan Pertumbuhan Inklusif', Persidangan BBC 2025 mengumpulkan penggubal dasar kanan, pemimpin perniagaan dan rakan kongsi serantau selama satu hari untuk mengambil serta dalam dialog strategik mengenai transformasi ekonomi Negara Brunei Darussalam dan peranannya dalam landskap serantau dan global yang berkembang pesat.

Persidangan tersebut dihoskan oleh Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN-BAC) Brunei dan Majlis Penasihat Perniagaan APEC Brunei (ABAC), dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Utamakan pembinaan jenama eksport yang kukuh

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Julai. - Ekonomi digital mencipta peluang baharu untuk usahawan, perusahaan kecil dan syarikat yang ditubuhkan untuk mengembangkan kehadiran mereka dan meningkatkan operasi mereka.

Memandangkan pasaran domestik Negara Brunei Darussalam (NBD) yang agak kecil, kemajuan ini menawarkan peluang pertumbuhan baharu yang perlu dimanfaatkan oleh perniagaan, terutamanya melalui akses yang lebih besar kepada perdagangan antarabangsa.

Perkara tersebut telah dikemukakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dalam ucaptamanya semasa Persidangan Perniagaan Brunei (BBC) yang berlangsung hari ini di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Yang Berhormat seterusnya berkata seperti yang diketengahkan oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF), perdagangan telah menjadi pemacu utama pengeluaran ekonomi dan produktiviti. Ia membolehkan pertukaran rentas sempadan barang, perkhidmatan dan idea, membuka pasaran baharu untuk perniagaan dan pengguna, sambil memupuk produktiviti, inovasi dan penciptaan kekayaan.

Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa selama tiga dekad, industri di NBD terutamanya makanan tertumpu semata-mata untuk memenuhi permintaan atau pasaran tempatan, yang menyebabkan pertumbuhan perlahan.

Dengan hanya jumlah penduduk lebih 400,000 tambah Yang Berhormat, penghasilan makanan ialah untuk sara diri sahaja dan ini menjadikan pertumbuhan terhad untuk industri ini. Oleh itu, untuk berkembang, NBD tidak mempunyai pilihan lain selain menggunakan strategi yang dipacu eksport.

>> Muka 19

MAJLIS RESEPSI MEMPERINGATI HARI KANADA



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Jun. - Suruhanjaya Tinggi Kanada di Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini mengadakan Majlis Resepsi sempena memperingati Hari Kanada 2025 yang berlangsung di Radisson Hotel di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Sumber-Sumber

Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dan isteri, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD, Puan Yang Terutama Ambra Dickie dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa

sepanjang tempoh tiga tahun di NBD, Puan Yang Terutama Ambra Dickie berusaha agar lebih ramai rakyat NBD mengetahui tentang kewujudan Kanada.

"Kanada adalah sebuah negara Pasifik yang sentiasa komited. Kami terus bekerja di NBD dan di rantau ini. Syarikat-syarikat Kanada, alumni Kanada dan rakan-rakan Kanada turut serta dalam pembangunan ekonomi dan



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan isteri semasa hadir selaku tetamu kehormat Majlis Resepsi sempena memperingati Hari Kanada 2025 dan seterusnya tetamu kehormat menerima penyampaian tanda penghargaan daripada Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Ambra Dickie (kiri dan atas).

budaya di negara ini. Kami berada di sini untuk bekerjasama demi mempromosikan keselamatan dan kemakmuran bersama," jelas PYT.

Terdahulu, majlis dimulakan memperdengarkan lagu kebangsaan daripada kedua-dua buah negara yang dimainkan oleh pemain piano muda tempatan, Zachary Keasberry dari Akademi

Muzik Ekspresi.

Majlis juga turut menyaksikan dengan penyampaian tanda penghargaan kepada tetamu kehormat daripada PYT, diikuti dengan tayangan video bertajuk 'Celebrating Canada in Brunei 2024-2025' yang memaparkan pelbagai aktiviti dan usaha Suruhanjaya Tinggi Kanada di NBD sepanjang tahun lalu.

MINDA PEMBACA

Peranan usahawan muda dalam meningkatkan ekonomi negara

USAHAWAN muda memainkan peranan penting dalam memperkuuh ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD). Dalam era digital dan globalisasi, golongan belia yang berani mencebur ke dalam keusahawanan menjadi antara pemanca utama pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Melalui perniagaan kecil dan sederhana, usahawan muda membuka peluang pekerjaan kepada

masyarakat setempat. Ini membantu mengurangkan kadar pengangguran dan meningkatkan pendapatan rakyat. Di samping itu, mereka turut mempelbagaikan sektor ekonomi negara yang selama ini bergantung kepada minyak dan gas.

Kerajaan NBD melalui pelbagai agensi seperti Darussalam Enterprise (DARE) dan Bank Usahawan telah menyediakan program bimbingan dan pembiayaan kepada belia yang ingin

menceburi bidang ini. Inisiatif seperti ini membuktikan betapa pentingnya peranan usahawan muda dalam menjana ekonomi negara.

Selain itu, usahawan muda turut memperkenalkan inovasi baharu dalam produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Dengan penggunaan teknologi moden, mereka mampu menembusi pasaran luar dan mempromosikan produk tempatan ke peringkat antarabangsa. Ini secara

tidak langsung meningkatkan hasil eksport negara.

Secara keseluruhannya, usahawan muda bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, malah menjadi inspirasi kepada generasi akan datang. Dengan sokongan berterusan dan semangat keusahawanan yang tinggi, mereka berpotensi besar untuk menjadikan NBD sebuah negara yang berdaya saing dalam ekonomi serantau dan global.

Nama : Muhd Wa'e Amsyar bin Muhd Sallehuddin
No. K/P : 01-172XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Mengurus Masa, Tekanan Dalam Dunia Serba Pantas'. Tarikh Tutup : 2 Julai 2025
- 2.'Kepentingan Bahasa Ibunda Dalam Kalangan Generasi Muda'. Tarikh Tutup : 9 Julai 2025
- 3.'Membina Identiti, Jati Diri Dalam Era Globalisasi'. Tarikh Tutup : 16 Julai 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

IKLAN



PASUKAN POLIS
DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

RBPF / TPROC / RC / 001 /
2025-QM

Tawaran Bagi Perkhidmatan
“The Leasing Of Photocopies Complete With Sorter Inclusive Supply Of Paper For A Period Of 4 Years Contract” For Royal Brunei Police Force

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 22 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Bilangan dan Tajuk Tawaran : To Supply And Installation Of Tires For Fire Trucks BG 3377 (F9) Department Of Civil Aviation
AME / 2025-2026 / SH-38

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
To Supply And Installation Of Tires For Fire Trucks BG 7887 (F.4), Department Of Civil Aviation
AME / 2025-2026 / SH-39

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
Rabu, 2 Julai 2025.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
Selasa, 22 Julai 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 23 Julai 2025.

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Seksyen
Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan
Rujukan Dan Tajuk Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2025 / MAB / TA / 05

Supply Leasedline, Integrated Services Digital Network Primary Rate Interface (ISDN PRI), Internet Broadband, Directline / Fixedline

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / MAB / TA / 06

Pembelian Membaeharu Lesen Bagi Perisian Bagi Forticare Bagi Fortigate (3 Years License Renewal)

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **seminggu** sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 22 Julai 2025.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 29 Julai 2025.
2.00 Petang.



KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA

Bahagian Teknologi
Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
01 / KHEU / BTM / 2 / RFP / 2025

The Supply, Delivery, Installation, Setup, Configuration, Testing and Maintenance for Switches at Headquarter (Old Building), Ministry of Religious Affairs

Tarikh Tutup
Sebut Harga:
Rabu,
16 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam

Kelas:
III / IV / V

Kategori:
KPB12

Tarikh Buka Tawaran pada:
Rabu 2 Julai 2025

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa, 22 Julai 2025.

Tarikh Tutup Pada:
Selasa, 29 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bahawang Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BTR / T014 / 2025
Penyelenggaraan Lanskap Dan Kemudahan Taman Di Taman Rekreasi Pantai Serasa Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BTR / T014 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00 (Non Refundable)



JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN

Jabatan Perhutanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

Tajuk Sebut Harga:
JPH / 003 / SH / 2551 / 2025 - 2026

Membekal Temui Untuk Kegunaan Jabatan Perhutanan

Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):
BND10.00

Borang Sebut Harga:
BND5.00
Tidak Dikembalikan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
17 Julai 2025.
2.00 Petang.
(Khamis)



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
S02 & S03 Sahaja

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Selasa, 16 Julai 2025.

Tarikh Tutup:
29 Julai 2025 (Hari Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 023 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Pembersihan Kawasan Tangki-Tangki Zone 'B'
Di Daerah Brunei Dan Muara Selama 36 Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:



JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI

Perkhidmatan Pengangkutan Dan Tenaga Kerja Bagi Kerja-Kerja Penghapusan Secara Berktronik 12 Bulan Untuk Jabatan Kastam Dan Ekais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi

Rujukan Tawaran:
JKED / TAWARAN / UPDP / BL / Q / 2025-04

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
22 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.




KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
KK / 150 / 2025 /
HTD(TC)

Tajuk Tawaran:
Supply And Delivery Of
Spare Parts For
Terumo Infusion / Syringe Pump
(As And When Required)
For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 158 / 2025 / SSBH(TC)

Bilangan Tawaran:
The Provision Maintenance
Services For Plumbing
Sanitary And Drainage
At Suri Seri Begawan Hospital,
Kuala Belait For A Period Of
Three (3) Years

Eligibility for Tenderers:
Registered with
Ministry of Health and
Ministry of Development

Kelas:
III keatas

Kategori:
B01, KA01 dan KA04

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 164 / 2025 / UPP

Tajuk Tawaran:
Supply And Delivery
Medical Items
(Appendix, Minor And Major
Instrument Sets)
For Central Sterile Services
Department (CSSD) Hospital
Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 165 / 2025 / DSS(TC)

Tajuk Tawaran:
To Supply And Deliver
Simplate Test Kits And
Simplate Device For
Microbiology Laboratory,
Department Of Scientific Services,
Ministry Of Health For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
22 Julai 2025.
2.00 Petang.


KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
KK / 155 / 2025 / ESTETRIPASH
(TC)

Keterangan:
Term Contract For
Comprehensive Maintenance
Of Steam Boiler And Associated
Accessories
At Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha Hospital For A Period
Of Three (3) Years

Eligibility for Tenderers:
Registered with Ministry of Health
and Ministry of Development

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 157 / 2025 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medical Consumable Items
For Department Of Dental
Services,
Ministry Of Health For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 160 / 2025 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 161 / 2025 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
KK / 162 / 2025 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 163 / 2025 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
8 Julai 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibuka Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas: V
Kategori: M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
8 Julai 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
22 Julai 2025.
(Selasa)

Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 22 /
2025

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian
Peralatan Hawa Dingin Di
Bangunan Pusat Latihan Kesenian
dan Pertukangan Tangan,
Bandar Seri Begawan

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)


KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan
Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2024 / GSU /
TA / 003

Purchase of Specialist Dog
Equipment for Gurkha Security
Unit

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi
pembelian Borang Tawaran
adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu **Selasa, 1 Julai 2025.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
8 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibuka Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas : II & III Sahaja
Kategori: KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
8 Julai, 2025. (Selasa)

Tarikh Tutup:
22 Julai 2025.
(Selasa)

Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSKB / 017 / 2025

Nama Projek:
Menaitaraf Sistem Saliran Di
Jalan Laksamana, Kuala Belait.

No. Projek:
2025ADKB/2106/002-003-006

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-


**JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran
Sebut Harga:**
08 / JPB / SH / 2025

Keterangan:
Meroboh Rumah Gantung,
Penjara Jerudong,
Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran
Sebut Harga:**
10 / JPB / SH / 2025

Keterangan:
Supply & Installation Of
Rocha Wall To Wall Carpet
Fixing With 7mm Underlay

**Bilangan Tawaran
Sebut Harga:**
11 / JPB / SH / 2025

Keterangan:
Membekalkan Perkakas
Dapur Bagi Penjara Maraburong
Fasa 3

**Bilangan Tawaran
Sebut Harga:**
13 / JPB / SH / 2025

Keterangan:
Perkakas Bahan Pembinaan
Pondok Pembuangan Sampah


**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 14

Tajuk Tawaran:
Jamuan Bagi Penuntut-Penuntut
Sekolah Yang Meryatai
Acara Pengibaran Bendera
Sempena Sambutan Ulang Tahun
Hari Keputeraan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan
Dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Yang Ke-79 Tahun 2025

Bilangan Tawaran:
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 15

Tajuk Tawaran:
Jamuan Bagi Mesyuarat,
Latihan Persembahan Khas Dan
Acara Kemuncak Sempena
Sambutan Ulang Tahun Hari
Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Yang Ke-79 Tahun 2025

Tajuk Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Isnin,
7 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran
Sebut Harga:**
14 / JPB / SH / 2025

Keterangan:
Student Chair With
Writing Table

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
8 Julai 2025.
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.

**Waktu-Waktu Menerima /
Mengambil Dokumen
Tawaran:**

Isnin – Khamis:
8.00 Pagi Hingga 11.30 Pagi

Sabtu
8.00 Pagi Hingga 10.00 Pagi

Bilangan Tawaran:
15



JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
**KHEU / JPI / JKS / PPS(B) /
2025 - 2026**

Perkhidmatan Pembuangan
Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi
Zon 'B'

1. Sekolah Ugama Madewa.
2. Sekolah Ugama Pg Muda Abd Malik, Bengkurong.
3. Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Majeedah Nuurul Bolkiah, Kilanas.
4. Sekolah Ugama Lumpas.
5. Sekolah Ugama Putat.
6. Sekolah Ugama Kasat.

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
**KHEU / JPI / JKS / PPS(C) /
2025 - 2026**

Perkhidmatan Pembuangan
Sampah Tempoh 2 Tahun
Bagi Zon 'C'

1. Sekolah Ugama PAP Amal Umi Kalithum Al Islam, Mulaut.
2. Sekolah Ugama Jerudong.
3. Sekolah Ugama Katimahar.
4. Sekolah Ugama Masin.
5. Sekolah Ugama Panchor Murai.

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
**KHEU / JPI / JKS / PPS(F) /
2025 - 2026**

Perkhidmatan Pembuangan
Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi
Zon 'F'

1. Sekolah Ugama Pelambayan.
2. Sekolah Ugama Sungai Besar.
3. Sekolah Ugama Batu Marang.
4. Sekolah Ugama PAP 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Mentiri.
5. Sekolah Ugama Pengiran Muda 'Abdul 'Azim, Serasa.

Tarikh Tutup
Sebut Harga:
Rabu,
20 Muhamarram 1447H /
16 Julai 2025M.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMUR-SUMUR UTAMA
DAN PELANCONGAN

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2025-2026 / 13
Production Of Souvenirs For Exit
Passenger Survey And Returning
Brunei Survey

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
17 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



JPt / SH / 09 / 2025-2026
To Supply, Deliver, Install, Test
And Commission One (1) Unit
Of Laminar Flow Cabinet For
Microbiological Analysis

JPt / SH / 12 / 2025-2026
Kerja-Kerja Memotong Rumput
Dan Membersih Kawasan Bagi
Bangunan Perkhidmatan
Makmal Terunjing Dan
Bangunan-Bangunan
Sekitarnya Untuk Tempoh
Satu (1) Tahun

JPt / SH / 13 / 2025-2026
Replacement Of Damaged
Electric Cable At KKP
Batumpu Pump Station

JPt / SH / 14 / 2025-2026
Supply And Deliver Of Stereo
Zoom Microscope With
Camera Tablet Set

JPt / SH / 15 / 2025-2026
Membekal Span Hidropotik
Bagi Tanaman Sayur-Sayuran

JPt / SH / 16 / 2025-2026
Kerja-Kerja Memotong Rumput
Dan Membersih Kawasan
Bangunan Mulaut Dan Lampaki
Jabatan Pertanian Dan
Agrimakanan,
Daerah Brunei Muara.
Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

JPt / SH / 34 / 2025-2026
Supply And Deliver Clinical
Chemistry Consumables
At VLS Terunjing

JPt / SH / 35 / 2025-2026
To Provide And Deliver
Consumables For Laboratory
Analysis On Multimycotoxin
Using HPLC In Nutrition &
Toxicology Laboratory

JPt / SH / 36 / 2025-2026
Supply And Deliver Sample
Extraction And Analyses
Consumables For Chemical
And Drug Residue Laboratory

Tarikh Tutup
Sebut Harga:
Khamis,
31 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

Borang Sebut Harga:
BND7.00
(Tidak Dikembalikan)



JPt / SH / 22 / 2025 - 2026
Membekal Racun Rumpai
Glyphosate Isopropylammonium
41% Sebanyak 984 Botol @
4 Liter / Botol Bagi Kegunaan
Pengusaha-Pengusaha Padi

JPt / SH / 23 / 2025 - 2026
Penyewaan Tempat Perkhidmatan
Mesin Layan Diri (Vending
Machines) Di Bangunan-Bangunan
Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan Selama Tiga
(03) Tahun

JPt / SH / 24 / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Pemasangan Zebra
Blind Dan Karpet Di Pejabat-Pejabat
Pertanian dan Agrimakanan

JPt / SH / 25 / 2025 - 2026
Pembinaan Saliran Baharu Di KKP
Lekiun, Daerah Temburong

JPt / SH / 26 / 2025 - 2026
Membersih Saliran Konkrit Di KKP
Terunjing, Daerah Brunei Muara

JPt / SH / 27 / 2025 - 2026
Membekalkan Dan Menghantar
Barang-Barang Am Bagi Keperluan
Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan

JPt / SH / 28 / 2025 - 2026
Membekalkan Dan Menghantar
Barang-Barang Alat Tulis Bagi
Keperluan Jabatan Pertanian
dan Agrimakanan

JPt / SH / 29 / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Meroboh Bangunan
Berek Mulaut Di Bawah Kawalan
Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan,
Daerah Brunei dan Muara

JPt / SH / 30 / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Pembaikan Am Di
Bangunan-Bangunan KKP Rimba,
KKP Mulaut, Makmal Patologi,
Berek Lampaki, Unit Kemajuan
Pertanian Daerah Tutong
Serta Kerja Meroboh Di Pusat
Penyelidikan Pertanian Brunei,
Di Bawah Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan,
Negara Brunei Darussalam

JPt / SH / 31 / 2025 - 2026
Troubleshoot And Repair Of
Gerhardt Automated Distillation
System

JPt / SH / 32 / 2025 - 2026
Supply And Deliver Calibration
Standards And Internal Standards
For Chemical And Drug Residue
Laboratory

JPt / SH / 33 / 2025 - 2026
To Provide Outsourced Removal,
Transportation And Treatment Of
Laboratory Waste At Veterinary
Laboratory Services For A Period
Of One (1) Year

Tarikh Tutup:
Khamis,
24 Julai 2025, jam 2.00 Petang.

Borang Sebut Harga:
BND7.00



Rujukan Tawaran:
POS / T / 11 / JPP / 2025 – 2026
Tawaran Penyewaan Ruang ATM
Di Pejabat Pos Bagi Menjalankan
Perkhidmatan Mesin ATM Di
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa,
8 Julai 2025.



Rujukan Tawaran:
POS / T / 10 / JPP / 2025 - 2026
Tawaran Penyewaan Ruang
Kosong Di Pejabat Pos Rimba
Bagi Menjalankan Perniagaan dan
Perkhidmatan Yang Bersesuaian
Di Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa,
8 Julai 2025.



Bilangan Tawaran:
JPKK/JKSH2526-QTN.04/ADM

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Pelbagai Alat Tulis
Bagi Jabatan Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan Dan
Ekonomi

Bilangan Tawaran:
JPKK/JKSH2526-QTN.05/FSS

Tajuk Tawaran:
The Supply and Delivery of Four
Hundred (400) Pieces of
Negara Brunei Darussalam's
Flag 4' X 8' Woolen Bunting Sewn with
State Colour And State Crest in
Red Colour On Both Sides for
The Treasury Department,
Ministry of Finance and Economy

Bilangan Tawaran:
JPKK/JKSH2526-QTN.06/FSS

Tajuk Tawaran:
The Supply and Delivery of Fourteen
Thousand (14,000) Pieces of
Negara Brunei Darussalam's
Flag 3' X 6' Cotton Printed with State
Colour and State Crest in Red Colour
on One Side for The Treasury
Department,
Ministry of Finance and Economy

Tarikh Tutup / Jam:
5 Julai 2025, Sabtu
9.00 Pagi.

Tempat Menghantar Tawaran:
Peti Sebut Harga,
Jabatan Perbendaharaan Tingkat 2,
Tower Block,
Bangunan Kementerian Kewangan
dan Ekonomi Commonwealth Drive,
Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam



**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 022 / 2025

Tajuk Tawaran:
Supply And Delivery Of
Electro-Hydraulic Servo Valve
For Lumut Power Station.

Tarikh Tutup:
22 Julai 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Jalan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

Kelаяkan:
Syarikat Pembekal Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan.

Kategori:
P05

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan-penerangan yang
lanjut bolehlah diperoleh di
**Kaunter Unit Tawaran dan
Sebut Harga, Tingkat Empat (4),
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.**



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2025-2026 / 13
Production Of Souvenirs For Exit
Passenger Survey And Returning
Brunei Survey

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
17 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SEMARAKKAN SAMBUTAN ILAL HIJRAH 1447

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Jun. - Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1447 yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Bangunan, JKR berlangsung di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah serta bacaan



YANG Behormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1447 dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

3 Pegawai ABDB sertai IDB VMAT



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BOLKIAH GARISON, Isnin, 30 Jun. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menghantarkan tiga Pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sebagai Ahli-ahli Independent Decommissioning Body Verification, Monitoring and Assistance Team 7/2025 (IDB VMAT 7/2025) ke Mindanao, Republik Filipina. Sehubungan itu, Upacara Penyerahan Bendera NBD telah diadakan di Bolkiah

Garison, di sini.

Bendera NBD telah diserahkan oleh Pemerintah ABDB, Major Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan kepada Lettenan Kolonel Pengiran Ridzamfaizal bin Pengiran Haji Salleh selaku ketua delegasi IDB VMAT 7/2025.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke NBD,

yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' Asr Hassani Bolkiah, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Majlis turut disemarakkan lagi dengan alunan Dikir Marhaban dan Doa Kesukuran bagi meraikan seramai 20 orang jemaah haji yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang telah kembali ke tanah air baru-baru ini dari menuaikan ibadah haji.

Turut hadir di majlis tersebut, Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor

Imtihan binti Haji Abdul Razak; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), Kementerian Pembangunan, Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohammad Yaakub; Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian

Pembangunan, Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar; Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Pemangku Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

PULSI

BERKAT

(Respons Terhadap Titah Perutusan Ilal Hijrah 1447)

TITAH
telah menyebut "berkat"
adalah satu ungkapan
yang menggetarkan,
ia diseluk
dari Ayat 96
Surah Al-Araf, tafsirnya:
"Sekiranya
penduduk negeri
beriman dan bertakwa
nescaya Kami (Allah)
bukakan kepada mereka
pintu penguriahan
yang melimpah-limpah berkatnya
dari langit dan bumi."
Ya, berkat itu
bukannya satu
tetapi pelbagai,
antaranya:
Negeri aman – berkat
negeri makmur – berkat
rakyat bersatu padu – berkat
raja adil – berkat
pembangunan ...
berjalan lancar – berkat
rakyat:
Punya tempat tinggal – berkat
cukup makan – berkat
cukup pakai – berkat,
pendeknya ...
segala rahmat
segala nikmat
adalah cetusan
daripada berkat.
Demikian
betapa agungnya berkat
betapa hebatnya berkat.
Tubuh badan
yang rajin beribadat – berkat
umur panjang
yang berhias dengan ta'at – berkat,
rumah tangga bahagia – berkat
anak-anak saleh – berkat,
ya, semua perkara
yang Allah redha
adalah berkat belaka.
Wahai diri
wahai saudara,
dalam era baharu ini
dalam tahun baharu ini,
marilah kita
merafa'kan do'a,
semoga dunia
yang kita huni ini
disirami berkat:
Berupa keadilan,
berupa kedamaian,
sehingga
bersihlah ia
(dunia ini)
daripada
sebarang bentuk:
Peperangan
penjajahan dan
penindasan.

ADI RUMI,
Rumah Hidayat,
Brunei Darussalam,
01 Muharram, 1447
27 Jun, 2025.



KEWAJIPAN MENGGANTI RUGI KEROSAKAN BARANG PINJAMAN

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasullullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MEMINJAM atau memberi pinjam sesuatu barang merupakan perkara yang lumrah berlaku di kalangan masyarakat. Perbuatan ini merupakan suatu perkara yang diharuskan oleh syara' kerana hajat dan keperluan manusia kepada barang yang dipinjam. Akad memberi pinjaman berlaku tanpa meminta sebarang imbalan atau bayaran sebagaimana *wadi'ah*.

Pinjaman atau dalam bahasa Arabnya *al-'Ariyyah* menurut syara' ialah kebenaran untuk memanfaatkan sesuatu dengan mengekalkan '*'ain* (barang) asal yang dipinjamkan. Hukum asal meminjamkan sesuatu kepada seseorang adalah sunat dan termasuk dalam perkara kebaikan berdasarkan firman Allah Ta'alā :

Tafsirnya : Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebaikan dan ketaqwaan. (Surah al-Mâ'idah: 2)

Dengan adanya akad pinjaman antara peminjam dan pemberi pinjam (pemilik), peminjam harus memanfaatkan barang pinjaman mengikut kesesuaian dan fungsi barang tersebut atau mengikut syarat yang ditetapkan oleh pemiliknya. Selain itu, peminjam juga wajib memulangkan barang pinjaman kepada pemiliknya apabila tempoh pinjaman itu berakhir, ataupun pemilik atau peminjam berkenaan menarik balik atau membatakan akad pinjaman tersebut, ataupun pemilik atau peminjam mati atau hilang kelayakan seperti gila.

Tidak dinafikan adakalanya dalam tempoh barang pinjaman tersebut berada dalam tangan peminjam, barang yang dipinjam itu rosak. Maka timbul persoalan, adakah peminjam dituntut mengganti rugi kerrosakan barang tersebut jika berlaku kerrosakan pada barang yang dipinjam?

Dalam akad pinjaman, setelah peminjam menerima barang pinjaman daripada pemiliknya, peminjam bertanggungjawab ke atas keselamatan barang pinjaman tersebut. Maka, jika berlaku kerrosakan ke atas barang pinjaman atau mana-mana bahagiannya, peminjam bertanggungjawab untuk mengganti rugi terhadap kerrosakan barang pinjaman tanpa mengira sama ada

kerrosakan itu terjadi akibat daripada perbuatan peminjam atau perbuatan orang lain, dan sama ada kerrosakan itu disebabkan kecuaian peminjam dalam menjaga keselamatan barang pinjaman tersebut atau bukan disebabkan kecuaianinya, sekalipun kerrosakan itu terjadi akibat bencana alam.

Kewajipan peminjam mengganti rugi barang pinjaman yang rosak adalah kerana barang tersebut merupakan harta orang lain yang wajib dikembalikan kepada pemiliknya dan peminjam adalah orang yang bertanggungjawab menjamin keselamatan barang yang dipinjam. Hak peminjam hanya setakat untuk mengambil manfaat dari barang pinjaman tersebut untuk keperluan dirinya sendiri bukan untuk memilikinya.

Dalam hadits yang diriwayatkan daripada Umayyah bin Shafwan Radhiallahu 'anhу, dia berkata :

Maksudnya : Bahawasanya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam meminjam beberapa baju besi daripadanya (Shafwan) pada hari (perang) Hunain, maka dia (Shafwan) berkata : Adakah ia baju rampasan wahai Muhammad? Tidak, bahkan ia barang pinjaman yang dijamin.

(Hadits riwayat Abu Daud)

Jika barang pinjaman itu mengalami kerrosakan atau penyusutan dengan penggunaan yang bersesuaian menurut adat kebiasaan atau dengan penggunaan yang dibenarkan oleh pemilik, maka peminjam tidak dituntut untuk mengganti rugi. Sebagai contoh, peminjam tidak dituntut mengganti rugi terhadap baju yang dipinjamkan kepada dirinya untuk dipakai jika baju tersebut menjadi lusuh pada sebahagiannya atau keseluruhannya dengan penggunaan atau pemakaian yang diizinkan oleh pemilik. Contoh lain ialah peminjam tidak dituntut mengganti rugi terhadap tayar kereta yang menjadi haus dengan penggunaan kereta yang diizinkan padanya.

Syaikh Zakariyya al-Anshari Rahimahullah dalam kitabnya Asna al-Mathlib menyatakan :

Ertinya : Jika barang pinjaman itu (keseluruhannya) atau bahagian-bahagian (daripadanya) rosak (disebabkan) penggunaan yang diizinkan padanya seperti (penggunaannya untuk) pakaian dan tunggangan yang biasa, (maka) setiap daripada keduanya (pakaian dan

tunggangan itu) tidak (dituntut untuk) mengganti rugi bahagian-bahagian dan barang (pinjaman tersebut) kerana kerrosakan itu terjadi dengan sebab (penggunaan) yang diizinkan padanya.

Jika barang pinjaman itu rosak disebabkan penggunaan secara berlebihan, penggunaan yang bukan menurut adat kebiasaan atau penggunaan yang tidak diizinkan, maka peminjam dituntut mengganti rugi. Sebagai contoh, kereta pinjaman yang dipandu oleh peminjam mengikut penggunaan yang diizinkan oleh pemilik terbiasa dalam perjalanan lalu mengakibatkan kerrosakan pada bahagian tertentu kereta tersebut. Dalam hal ini, peminjam dituntut mengganti rugi walaupun kerrosakan itu terjadi semasa penggunaan yang diizinkan oleh pemiliknya kerana kerrosakan kereta akibat terbiasa itu tiada kaitannya dengan penggunaan yang diizinkan.

Jika terjadi kerrosakan pada barang pinjaman yang tidak dinyatakan perkara ganti rugi dalam akad pinjaman tersebut, maka peminjam tetap dituntut untuk mengganti rugi terhadap kerrosakan tersebut kerana ia suatu yang telah ditetapkan oleh syara'.

Cara untuk mengganti rugi barang pinjaman yang rosak, sebagaimana menurut Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dan sebahagian ulama lain, ganti rugi barang pinjaman yang rosak, sama ada ia barang *mitsliy* atau barang *qimiy*, ialah dengan nilai barang pinjaman tersebut pada waktu berlaku kerrosakan padanya. Oleh itu, jika barang pinjaman tersebut rosak sama sekali, maka ganti ruginya adalah mengikut nilai barang pinjaman tersebut pada waktu ia rosak. Jika barang pinjaman tersebut rosak sebahagiannya sahaja, maka ganti rugi itu ialah kadar nilai yang rosak (nilai yang susut) dari barang pinjaman tersebut.

Maksud barang *mitsliy* ialah barang yang mempunyai persamaan yang ada dalam pasaran, sama ada ia sama pada keseluruhannya atau sebahagiannya sehingga barang yang serupa itu dapat menjadi ganti tanpa ada perbezaan yang ketara. Manakala barang *qimiy* pula ialah barang yang tidak mempunyai persamaan yang ada dalam pasaran pada keseluruhannya atau sebahagiannya sehingga tidak dapat diganti dengan barang lain.



IRSYAD HUKUM

جهاز مفتی مملکت مکری رئیس دین

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

Selain itu, ganti rugi tidak dilakukan dengan mengganti barang yang serupa dengan barang yang mengalami kerrosakan itu. Ini kerana untuk memulangkan kepada pemilik barang yang serupa namun mempunyai kesan pengurangan atau penyusutan akibat daripada penggunaan yang diizinkan adalah suatu perkara yang sangat sukar untuk dicapai.

Ganti rugi tidak dibayar mengikut nilai barang pinjaman pada waktu peminjam menerima barang pinjaman tersebut, dan bukan juga mengikut nilai tertinggi barang tersebut di antara waktu menerima barang pinjaman dan waktu berlaku kerrosakan padanya.

Walau bagaimanapun, jika ditentukan syarat mengenai ganti rugi apabila berlaku kerrosakan pada barang pinjaman itu, contohnya disyaratkan ganti rugi kerrosakan barang tersebut dengan kadar tertentu, atau pemilik mensyaratkan bahawa peminjam tetap dituntut untuk mengganti rugi terhadap kerossannya walaupun dengan penggunaan yang diizinkan, atau kedua-dua pihak mensyaratkan tiada ganti rugi jika berlaku kerrosakan, maka dalam keadaan-keadaan ini, akad pinjaman berkenaan tetap sah, tetapi syarat-syarat tersebut adalah batal dan tidak memberi sebarang kesan kepada akad dengan maksud peminjam tetap wajib mengganti rugi kerrosakan barang pinjaman.

Demikian penjelasan mengenai kewajipan mengganti rugi kerrosakan barang pinjaman.

Kelebihan puasa 10 Muharam

منجو كريضاعن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلو لأن قوسة دعوه اسلاميه

BULAN Muharam merupakan bulan pertama dalam Takwim Hijrah Islam di mana ia termasuk dalam bulan-bulan haram sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 36 yang mafhumnya :

"Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi Allah ialah dua belas bulan (qamariah) dalam kitab (ketetapan) Allah ketika Dia menciptakan langit dan bumi, antaranya empat bulan yang dihormati. Yang demikian itulah (ketetapan) agama yang lurus. Maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangan-Nya)".

Allah Subhanahu Wata'ala telah perintahkan supaya menghormati bulan-bulan haram tersebut dan meninggalkan segala perbuatan maksiat dan larangan-Nya. Empat bulan haram dalam Islam iaitu Zulkaedah, Zulhijah, Muharam dan Rejab. Bulan haram adalah bulan di mana Allah Subhanahu Wata'ala akan menggandakan setiap amalan yang kita lakukan dalam bulan-bulan tersebut.

Dalam bulan Muharam ini, umat Islam sangat dianjurkan untuk memperbanyak berpuasa. Puasa paling utama di bulan ini ialah puasa pada hari 'Asyura iaitu puasa

pada hari ke 10 Muharam. Rasulullah Shallallahu Alaihi Wasallam sendiri berpuasa pada hari tersebut sebagaimana dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dan Muslim dalam kitab sahihnya daripada Ibnu Abbas Radhiallahu'anhumma beliau telah berkata :

"Ketika Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tiba di Madinah, Baginda melihat kaum Yahudi melakukan puasa 'Asyura. Lalu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya kepada mereka : "Mengapa kamu melakukan puasa pada hari itu?" Mereka menjawab : "Ini adalah hari baik, yang mana pada hari ini Allah Subhanahu Wata'ala menyelamatkan Nabi Musa Alaihissalam dan Bani Isra'il daripada musuh mereka, oleh kerana itu Nabi Musa Alaihissalam melakukan puasa pada hari ini". Lalu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Sesungguhnya kami lebih berbaik terhadap Nabi Musa Alaihissalam dibandingkan kalian. Maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memerintahkan kaum Muslimin untuk berpuasa pada hari itu".

Berpuasa pada bulan ini pada dasarnya dijanjikan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan pahala yang besar sebagaimana diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada Abu Qatadah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

bersabda yang maksudnya :

"Berpuasa pada hari 'Asyura akan termasuk dalam hitungan Allah bahawa puasa itu akan menutup dosa setahun sebelumnya".

Ini memberikan peluang kepada umat Islam untuk meraih keampunan dan membersihkan diri daripada dosa-dosa kecil yang dilakukan sepanjang tahun. Amatlah rugi kepada seseorang yang tidak mengambil peluang berpuasa pada hari tersebut kerana kelebihannya sangat besar.

Selain berpuasa pada hari 'Asyura ini, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga menganjurkan umat Islam untuk berpuasa pada hari Tasua, iaitu pada 9 Muharam (sehari sebelumnya) atau 11 Muharram (sehari selepasnya). Ia bertujuan bagi membezakan antara puasa kaum Muslimin dengan kaum Yahudi yang berpuasa pada hari 'Asyura tersebut. Ini berdasarkan sebuah

INI memberikan peluang kepada umat Islam untuk meraih keampunan dan membersihkan diri daripada dosa-dosa kecil yang dilakukan sepanjang tahun. Amatlah rugi kepada seseorang yang tidak mengambil peluang berpuasa pada hari tersebut kerana kelebihannya sangat besar.

hadis Imam Ahmad dalam kitab musnadnya meriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas Radhiallahu'anhumma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"Puasalah pada hari Asyura, dan berbezalah dengan Yahudi dalam masalah ini, berpuasalah sehari sebelumnya atau sehari sesudahnya".

Umat Islam dianjurkan untuk memanfaatkan kelebihan bulan Muharam dengan memperbanyak amalan kebaikan dan ibadah, serta menjauhi dosa dan perbuatan yang tidak bermanfaat.

Dengan cara ini, kita dapat memperbaiki diri, membersihkan hati, dan meningkatkan keimanan serta ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Bulan Muharam adalah masa yang tepat untuk memperbaharu teknad dan semangat dalam beribadah, serta meraih keberkatan yang melimpah daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

TINGKATKAN KEBOLEHAN DALAM PENGURUSAN, PEMIKIRAN, PEMBENTUKAN DASAR



RIMBA, Isnin, 30 Jun. - Peranan utama pegawai kanan di peringkat pengurusan pertengahan adalah memastikan visi dan misi organisasi diturunkan atau cascade ke pasukan di dalam unit atau bahagian untuk dilaksanakan dengan teratur.

Dalam masa yang sama, peranan pegawai berkenaan adalah untuk menilai, menganalisis dan mengenal pasti penyelesaian yang bersesuaian bagi mana-mana cabaran yang dihadapi. Akhir sekali, pegawai kanan mempunyai peranan menghasilkan buah fikiran, pelbagai cadangan penyelesaian serta penambahbaikan proses kerja kepada perhatian pihak pengurusan atasan.

Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Ajman bin Haji Meludin seterusnya menekankan untuk melaksanakan tanggungjawab ini dengan berkesan, perlulah memiliki keupayaan untuk berfikir secara strategik, bertindak pantas dan menyesuaikan diri dengan perubahan landskap global serta kemajuan teknologi yang pesat.

"Dalam era yang penuh ketidakpastian ini, nilai seorang pemimpin tidak hanya diukur melalui kecekapan penyelesaian masalah tetapi juga melalui

Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Ajman bin Haji Meludin seterusnya menekankan untuk melaksanakan tanggungjawab ini dengan berkesan, perlulah memiliki keupayaan untuk berfikir secara strategik, bertindak pantas dan menyesuaikan diri dengan perubahan landskap global serta kemajuan teknologi yang pesat.

"Dalam era yang penuh ketidakpastian ini, nilai seorang pemimpin tidak hanya diukur melalui kecekapan penyelesaian masalah tetapi juga melalui

SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri (JPM) hadir selaku tetamu kehormat Majlis Perasmian Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai - pegawai Pertengahan Kerajaan (EDPMMO) Kali Ke-36 dan seterusnya menyampaikan ucapannya (kanan dan kiri).

keupayaan mencipta nilai tambah melalui pendekatan baharu dan penyelesaian yang lebih inovatif.

"Mengimbas kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-31 : *"Dalam dunia yang semakin kompleks, warga penjawat awam perlu mencari peluang-peluang baharu, mencipta nilai tambah dan berfikir ligat untuk melihat Perkhidmatan Awam terus berada di hadapan".*

"Sehubungan itu, teknologi seperti Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) merupakan antara contoh peluang baharu untuk diterokai secara lebih bijaksana; bukan semata-mata untuk mengantikan proses sedia ada tetapi untuk menjana nilai tambah yang sebenar dan nyata kepada Perkhidmatan Awam," jelasnya semasa Majlis Perasmian Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai - pegawai Pertengahan Kerajaan (EDPMMO) Kali Ke-36 yang berlangsung di Dewan Ittisal, Institut Perkhidmatan Awam (IPA), hari ini.

Selaras juga dengan hasrat baginda tambah beliau, Program EDPMMO ini telah direka bersesuaian dengan keperluan untuk mengukuhkan kemahiran kepimpinan, meningkatkan kebolehan dalam pengurusan, pembentukan dasar dan meningkatkan pemikiran yang kritis dan inovatif bagi pegawai-pegawai pengurusan pertengahan yang berpotensi tinggi.



Program ini tambahnya lagi, juga bertujuan untuk melengkapkan para peserta dalam menghadapi cabaran-cabaran dan mengambil peluang dalam era digital yang memerlukan para pemimpin yang lebih tangkas dalam merancang, mengambil tindakan serta membuat keputusan yang berkesan.

Awang Ajman juga menyeru para peserta untuk merebut peluang ini untuk memacu perubahan positif dengan mengenal pasti dan mengatasi isu-isu yang memerlukan penambahbaikan dalam organisasi masing-masing setelah menghadiri program ini.

Kongsi beliau, sentiasa berfikiran terbuka terhadap potensi penambahbaikan, mencabar *status quo* dan melaksanakan inovasi dan kreativiti dalam meneroka penambahbaikan yang akan dapat menyumbang kepada kemajuan organisasi masing-masing.

"Hasil daripada pembelajaran, *insights* dan kolaborasi *networking* sepanjang program ini, adalah diharapkan para peserta akan dapat menghasilkan impak yang positif dalam organisasi masing-masing khasnya dan Perkhidmatan Awam secara keseluruhan, insyaAllah.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

"Kolaborasi yang efektif adalah amat penting, lebih-lebih lagi jika dilihat dalam konteks menangani isu-isu kompleks dan bersifat *cross-cutting*, yang memerlukan usaha dan ikhtiar dari pelbagai sudut (*multidimensional*) ke arah mencari penyelesaian yang menghasilkan impak positif dan berkesan kepada orang ramai. Apa yang paling penting, penyelesaian yang dihasilkan haruslah benar-benar memberi manfaat dan dapat dirasai oleh orang ramai, di samping menyumbang kepada pembangunan negara secara menyeluruh" terangnya lagi.

Seramai 32 peserta yang terpilih menyertai Program EDPMMO Kali Ke-36. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Awang Ajman selaku tetamu kehormat.

Adapun objektif program ini adalah untuk membangunkan pengetahuan dan kemahiran kepimpinan warga Perkhidmatan Awam di peringkat pengurusan pertengahan dan melengkapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk mengetuai pasukan mereka dalam menangani

cabaran masa hadapan yang tidak menentu.

Program ini juga bertujuan untuk memperkuuh keupayaan pemimpin masa depan agar lebih tangkas dalam merancang, mengambil tindakan serta membuat keputusan yang berkesan bagi memenuhi keperluan orang ramai yang sentiasa berubah terutamanya di zaman yang penuh gangguan dari perubahan pesat global dan digital.

Program EDPMMO merupakan salah satu program di bawah Projek Kumpulan Pemimpin Perkhidmatan Awam (Civil Service Leadership Pipeline - CSLP) yang diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Program kali ke-36 dikendalikan oleh Institut Perkhidmatan Awam setelah berjaya mengendalikan tiga program sebelum ini.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Dr. Awang Norfarizal bin Othman dan Pengarah IPA, Dr. Dayang Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh serta pegawai-pegawai kedua buah jabatan tersebut.

Utamakan pembinaan jenama eksport yang kukuh

>> Muka 12

"Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) telah mengubah usaha dalam pengeluaran makanan pertanian ke arah inisiatif pemacu eksport di samping memenuhi keperluan tempatan."

"Terutamanya, sejak tahun 2022, kami telah mengeksport telur ke Republik Singapura, yang telah berjaya meningkatkan tahap sara diri daripada 100 peratus kepada 103 peratus."

"Begini juga, pada tahun 2024, kami mula mengeksport daging diproses dan produk pertanian lain ke peringkat antarabangsa," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata peralihan ini menggalakkan syarikat berkembang, membolehkan meningkatkan pengeluaran untuk eksport dan mengakses pasaran eksport telah membolehkan pembukaan peluang pertumbuhan baharu yang dahulunya tidak dapat dicapai. Berpegang kepada model lama hanya akan menyebabkan industri kita tidak bergerak, tanpa prospek untuk pertumbuhan selanjutnya.

Oleh itu jelas Yang Berhormat,

lebih banyak perniagaan perlu menumpukan strategi mereka untuk mengakses perdagangan dan pasaran antarabangsa dengan meningkatkan jangkauan dan rangkaian mereka menggunakan teknologi digital.

Dua pendekatan strategik utama yang boleh dipertimbangkan untuk mengukuhkan strategi eksport, ujar Yang Berhormat, iaitu yang pertama ialah daya saing harga, yang memberi tumpuan kepada menawarkan produk atau perkhidmatan pada kos yang lebih rendah untuk menangkap pasaran yang sensitif harga.

Yang kedua kata Yang Berhormat, ialah pembezaan produk, di mana perniagaan bersaing dengan menawarkan nilai unik sama ada melalui kualiti, inovasi atau kekuatan jenama yang membolehkan margin yang lebih tinggi dan kesetiaan jenama. Kedua-dua strategi boleh membawa kepada kejayaan kompetitif, tetapi ia menarik kepada segmen pelanggan yang berbeza dan memerlukan pendekatan yang berbeza.

Yang Berhormat juga berkata bagi NBD, perniagaan harus mengutamakan pembezaan untuk membina jenama eksport yang kukuh dan mencapai pertumbuhan yang mampan, bukannya strategi

kepimpinan kos atau bersaing berdasarkan harga sahaja.

"Dengan menawarkan produk yang unik dan berkualiti tinggi, kami boleh mencipta nilai yang lebih tinggi dan menguasai harga yang lebih tinggi dalam pasaran global.

"Syarikat yang menggunakan strategi ini mengutamakan penciptaan nilai untuk pelanggan, membolehkan perniagaan mengenakan harga premium.

"Ini akan membezakan negara daripada pesaing yang bergantung terutamanya kepada kepimpinan kos," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat dalam meneruskan lagi ucapannya berkata, NBD mungkin tidak sentiasa mampu bersaing di peringkat antarabangsa melalui strategi kepimpinan kos. Contoh kejayaan yang kukuh melalui pembezaan produk ialah eksport udang keluaran tempatan, iaitu Udang Organik Brunei, yang terkenal dengan amalan penernakian berkualiti tinggi dan mampan, yang telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dengan menguasai harga premium AUD\$25 sekilogram, jauh lebih tinggi daripada jenama antarabangsa bukan premium yang setanding.

"Ini menggambarkan potensi NBD untuk bersaing di peringkat

global dengan menawarkan produk unik dan bernilai tinggi.

"Dalam dunia yang pantas berubah hari ini, kita tidak boleh lagi bergantung semata-mata pada enjin masa lalu untuk memacu masa depan kita.

"Untuk kekal berdaya saing dan berdaya tahan, kita mesti melbur dan mengelus enjin pertumbuhan baharu - sektor dan strategi yang akan membentuk ekonomi masa depan, yang lebih kepelbagaian,



ANTARA yang hadir pada Persidangan Perniagaan Brunei (BBC) yang berlangsung hari ini di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

PELITA BRUNEI Hari Rabu, 7 Julai, 1965.

Muka 3.

KERAJAAN SENTIASA MENGAMBIL PERHATIAN YANG BERAT BAGI PERKEMBANGAN PERTANIAN DI-NEGERI BRUNEI - Kata Penolong Menteri Pertanian Y. B. Pengiran Damit Sunggoh

BANDAR BRUNEI — Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh telah menyertu seluruh lapisan kaum tanah di-negeri ini supaya bekerjasama dengan Kerajaan untuk memajukan pertanian.

Beliau menegaskan, pertanian ada-lah satu-satu alat sa-buah negara yang maha penting bahkan lebih penting dari segala yang di-pentingkan dan manusia tidak boleh hidup dengan tidak ada hasil usaha dari pertanian.

Seruan itu di-buat oleh beliau ketika memberi uchapan di-Mashuarat Persatuan Peladang2 Negeri Brunei yang di-langsungkan Di-Dewan Kemasharakan, Bandar Brunei baru2 ini.

Pengiran Damit menegaskan lagi bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ada-lah sentiasa mengambil perhatian yang berat untuk mengembangkan pertanian di-negeri ini dan usaha2 akan di-jalankan terus-menerus sa-hingga tercapai kejayaan.

Ketika menyatakan betapa pentingnya pertanian ini, Pengiran Damit berkata bahawa sa-sabuah Kerajaan yang mempunyai ratusan ribu askar dengan chukup alat senjata-nya tidak akan dapat mempertahankan negara-nya jika tidak mempunyai bahan2 makanan.

Sharahan Ugama Islam

BANDAR BRUNEI — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Brunei akan melawat ka-tempat2 di-bawah ini pada hari Juma'at 9 Julai, 1965 untuk memberikan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam: —

(a) Mulai pada pukul 11 pagi hingga ka-pukul 12.30 tengah hari di-Masjid Pekan Bangar, Temburong.

(b) Mulai pada pukul 2 petang hingga ka-pukul 4 petang di-Sekolah Melayu Kati Mahar Brunei.

Orang ramai, lelaki dan perempuan, ada-lah di-jemput hadir di-majlis2 tersebut untuk mendengarkan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam kita yang maha suci.

Menyebut mengenai persatuan peladang yang baharu saja diluluskan pendaftaran-nya oleh Kerajaan beliau menegaskan bahawa tujuan utama persatuan tersebut ia-lah bagi memusatkan Projek Perkembangan pertanian dan meninggikan taraf hidup peladang2 di-negeri ini.

Beliau berharap supaya perjumpaan tersebut akan mencapai kejayaan yang cemerlang dan memberi hasil2 yang baik yang akan dapat di-rasai dan dinikmati oleh sa-genap lapisan masharakat.

Kapada petani2 pula beliau menggesa mereka supaya menyedari akan tanggong-jawab masing2 yang di-sifatkan beliau sa-bagi tulang belakang bagi sa-sabuah negara di-dunia ini.

Pengiran Damit menegaskan bahawa ahli2 chandikiawan pernah mengatakan bahawa sa-hari Pa'tani tidak menghayunkan changkol-nya, sa-tahun dunia akan menangis.

Sementara itu, Pegawai Pertanian Negara, Awang Hamidoon bin Awang Damit telah menyatakan juga bahawa persatuan itu di-tubuhkan ada-lah atas anjuran jabatan-nya yang bertujuan sama2 untuk meninggikan taraf pertanian di-kalangan peladang2 dalam negeri ini.

Sesuai dengan tujuan tersebut, maka mashuarat yang di-adakan itu telah membincangkan chara2 mendapatkan wang untuk membeli perkakas dan alat pertanian dan menchari jalan untuk memperbaiki perusahaan pertanian dalam negeri ini.

Mashuarat itu telah di-badhiri oleh wakil peladang2 di-seluruh negeri Brunei.



Pengibaran Bendera Brunei di-Sekolah2

Mulai dari 1 Julai, 1965 semua sekolah2 yang dulu-nya belum lagi mengibarkan Bendera Brunei ada-lah di-kehendaki supaya mengibarkan-nya pada hari2 persekolahan mereka di-jalankan.

Tiang bendera hendak-lah di-dirikan di-tempat yang sesuai di-hadapan bangunan Sekolah yang tertentu. Bendera mesti-lah di-naikkan pada sa-belah pagi sa-belum pelajaran pagi2 di-mulai, dan di-turunkan pada sa-belah petang.

Kerjasama semua Guru2 Besar sekolah2 dalam menentukan bahawa perkara ini akan terlaksana dengan baik-nya ada-lah sangat di-harapkan.

Waktu2 Sembahyang, Imsak Dan Mata - Hari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 7 Julai hingga ka-hari Selasa 13 Julai, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
7	12.30	3.51	6.41	7.52	4.39	4.54	6.12
8	12.30	3.51	6.41	7.52	4.39	4.54	6.12
9	12.30	3.51	6.41	7.52	4.39	4.54	6.12
10	12.31	3.51	6.42	7.53	4.40	4.55	6.13
11	12.31	3.51	6.42	7.53	4.40	4.55	6.13
12	12.31	3.51	6.42	7.53	4.40	4.55	6.13
13	12.31	3.51	6.42	7.53	4.40	4.55	6.13

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Pemangku Pegawai Pelajaran Negara

Penguasa Pelajaran Melayu Brunei, Awang Noordin bin Abdul Latiff telah di-lantek menjadi Pemangku Pegawai Pelajaran Negara Brunei semasa Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Awang Malcolm MacInnes berchuti mulai pada 21 Jun, 1965.

SHARIKAT MINYAK HADIAHKAN PEMBESAR SUARA

BATU APOL—Sharikat Minyak Shell Brunei telah memberi hadiah Pembesar Suara kapada Masjid Kampong Batu Apoi Temburong pada 25 Jun, 1965.

Hadiah itu telah di-sampaikan oleh Wakil Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei, Awang P. A. Coates bagi pehak Sharikat Minyak Shell kapada Penghulu Kampong Batu Apoi Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohammed Yusof.

Pengetua Pegawai Hal-Fhwal Ugama telah di-wakili oleh Kadzi Ishak bin Adam, Kadzi Daerah Temburong.

Majlis telah di-akhiri dengan jamuan makan daripada penduduk2 Kampong Batu Apoi.



Dari UNISSA ke dunia : Melakar kejayaan melalui inovasi di pentas antarabangsa

Rencana dan Foto : Ihsan Universiti Islam Sultan Sharif Ali dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei

UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus menonjol sebagai pusat kecemerlangan akademik dan inovasi di Negara Brunei Darussalam (NBD). Tiga pelajar Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), UNISSA telah mencipta nama di peringkat antarabangsa dengan memenangi pelbagai anugerah dalam pertandingan inovasi yang melibatkan peserta dari seluruh dunia. Kejayaan ini bukan sahaja membanggakan universiti, malah mencerminkan komitmen UNISSA dalam melahirkan pelajar yang berilmu tinggi dan berdaya saing selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Kejayaan pelajar UNISSA dalam pertandingan antarabangsa

Titik permulaan perkenalan tiga pelajar ini bermula dari program UNISBA Student Global Motion (UGEO) anjuran Universitas Islam Bandung pada tahun 2023. Ketiga-tiga pelajar ini telah dibiayai sepenuhnya oleh UNISBA untuk menyertai program tersebut. Tiga pelajar tersebut ialah Dayang Siti Majidah binti Rahim, pelajar Falsafah Kedoktoran Sains Halal (Pengurusan Halal); dan Dayang Latifah Hannani binti Md. Jini dan Zulfah Syauqina binti Muhamad, pelajar Sarjana Muda Sains Halal.

Dengan minat dan objektif yang sama lalu ketiga-tiga pelajar ini menjadi akrab dan mula menyertai pertandingan-pertandingan inovasi antarabangsa. Tiga

pelajar PPHT ini telah menunjukkan bakat dan kreativiti luar biasa dalam bidang inovasi. Melalui projek-projek inovatif yang mereka hasilkan, telah berjaya menempa nama di pentas peringkat antarabangsa (sila rujuk Rajah 1).

Kejayaan ini membuktikan bahawa pelajar UNISSA bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga mampu menghasilkan inovasi yang relevan dan memberi impak positif kepada masyarakat global.

Idea projek One Wipe Away, PureMaize dan Biodegradable Alternatives to Single Use Plastics ini timbul daripada keprihatinan terhadap isu pembaziran makanan dan pengurusan sisa serta kesedaran tentang kepentingan kelestarian alam sekitar. Manakala, projek seperti Halal Quest, Little Halal Seeker Playbook dan HalalSearch Word Search Book bertujuan untuk mengenalkan kepada masyarakat apa itu halal. HalalSearch Word Search Book sekarang dalam proses penilaian di Dewan Bahasa dan Pustaka, NBD bagi tujuan penerbitan. Di samping itu, projek seperti Deli Tahai Spread and Komochi Bites Ice Cream adalah bertujuan untuk mengenalkan produk inovasi halal dengan menggabungkan konsep tradisi dengan permodenan. Inovasi-inovasi ini menunjukkan komitmen UNISSA dalam menggalakkan kreativiti dan penyelesaian praktikal yang relevan dengan keperluan masyarakat serta selaras dengan pembangunan negara.

Peranan, sokongan UNISSA dalam melahirkan pelajar berinovasi

Kejayaan pelajar ini tidak terlepas daripada peranan penting UNISSA sebagai institusi pengajian tinggi yang menyokong penuh perkembangan inovasi dan kreativiti pelajar. Ketiga-tiga pelajar tersebut bekerjasama secara rapat dengan pensyarah dari PPHT yang memberikan bimbingan teknikal dan ilmiah sepanjang proses pembangunan projek.

Pelajar-pelajar ini bermula dengan sorotan literatur dan perbincangan bersama pensyarah sebelum meneroka dan membangun projek inovasi yang sesuai. PPHT menyediakan platform penyelidikan berkualiti tinggi yang membolehkan pelajar mendalaminya konsep halal dan thayyiban secara mendalam, sekali gus meningkatkan ilmu dan kemahiran mereka dalam bidang halal yang kritikal untuk inovasi dan pembangunan produk halal.

Di samping itu, UNISSA juga ada menyediakan fasiliti dan makmal canggih yang membolehkan pelajar menjalankan penyelidikan dan pembangunan projek inovasi dengan efektif. Dengan adanya makmal, pelajar dapat melakukan beberapa analisa makmal ke atas projek-projek yang mereka jalankan. Selain itu, Makbath Halal (Dapur Halal) juga membantu pelajar untuk membangunkan projek produk inovasi halal.

Selain itu, penghargaan dan inisiatif kepada pelajar-pelajar telah mendorong mereka untuk menyertai pertandingan di luar negara dengan lebih aktif lagi. Justeru itu, pendekatan holistik ini, UNISSA berjaya membentuk pelajar yang bukan sahaja berilmu tinggi tetapi juga berani mencuba dan

berinovasi demi kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi.

Hasrat UNISSA selaras dengan Wawasan Brunei 2035

UNISSA berhasrat untuk terus melahirkan graduan yang berilmu tinggi, berakhlik mulia, dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Ini sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 yang menekankan pembangunan modal insan berkualiti tinggi sebagai tunjang kemajuan negara. Melalui program akademik yang mantap dan sokongan padu terhadap inovasi, UNISSA komited untuk menghasilkan pelajar yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara dalam pelbagai bidang, memupuk budaya inovasi dan kreativiti yang berterusan dalam kalangan pelajar dan staf dan menjadi pusat kecemerlangan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam pendidikan Islam dan sains moden.

Penutup

Kejayaan tiga pelajar UNISSA dalam pertandingan antarabangsa inovasi adalah bukti nyata bahawa universiti ini mampu melahirkan insan cemerlang yang berilmu tinggi dan berdaya saing. Dengan sokongan berterusan daripada UNISSA dan semangat juang pelajar, tidak mustahil lebih ramai bakal muncul sebagai inovator dan pemimpin masa depan yang memberi sumbangan besar kepada NBD dan dunia. UNISSA terus melangkah maju, selari dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 untuk negara yang maju dan berilmu.

BIL	PROJEK	PERTANDINGAN	ANUGERAH
1	DELI TAHAI SPREAD: BRINGING TRADITION TO THE TABLE	INTERNATIONAL INNOVATION COMPETITION (INNOCOM) V 2024	PERAK BEST EXTENDED ABSTRACT
2	HALAL QUEST: EDUCATE AND EXPLORE	INTERNATIONAL CREATIVE & INNOVATIVE IDEA COMPETITION (ICCIIC) 2025	PERAK
3	ONE WIPE AWAY: A PAPER-BASED SERTU	INTERNATIONAL INNOVATION FESTIVAL (INNOFEST) 2024	EMAS
4	PUREMAIZE: NATURAL FLAVOR ENHANCER	INTERNATIONAL SCIENCE AND SOCIAL SCIENCE INNOVATION COMPETITION (I-SIC VI) 2024	PERAK
5	INNOVATIVE FUSION DESSERT: KOMOCHI ICE CREAM BITES	NEGERI SEMBILAN INTERNATIONAL EXPOSITION (NSIEX) 2024	EMAS
6	LITTLE HALAL SEEKER PLAYBOOK	INTERNATIONAL LANGUAGE AND EDUCATION INNOVATION COMPETITION (I-INNOLED) 2024	GANGSA
7	EXPLORING THE VIABILITY OF BIODEGRADABLE ALTERNATIVES TO SINGLE-USE PLASTICS IN BRUNEI DARUSSALAM	INTERNATIONAL INNOVATION COMPETITION (IIC) 2024	GANGSA
8	ACTIVITY BOOK: HALALSEARCH WORD SEARCH BOOK	THE INTERNATIONAL VIRTUAL COMPETITION OF CREATIVE AND INNOVATIVE IDEA (IVCI) 2023	EMAS
9	'ALI POW POW' AN EXPLOSION FLAVOURS OF BABY FOOD SEASONINGS FOR YOUR LITTLE ONES	THE 8 TH INTERNATIONAL INVENTION INNOVATION COMPETITION IN CANADA (ICAN) 2023	PERAK INTERNATIONAL SPECIAL AWARD WIIPA JURY'S CHOICE AWARD

RAJAH 1



FILIPINA, AUSTRALIA TAMATKAN LATIHAN PERANG SIBER SELAMA ENAM MINGGU

MANILA, 1 Julai. - Tentera Darat Filipina (PA) pada Selasa memaklumkan telah melaksanakan latihan perang siber selama enam minggu bersama Angkatan Pertahanan Australia (ADF) bagi memperkuuh pertahanan dan

daya tahan siber mereka melalui operasi siber kolaboratif.

Agenzi Berita Filipina melaporkan latihan yang dinamakan 'Joint Defence Forward Training Activity' itu diadakan di ibu pejabat Tentera Darat di Fort Bonifacio, Taguig City dari pertengahan Mei hingga 26 Jun,

menurut jurucakap PA Kol. Louie Dema-ala dalam satu kenyataan.

"Latihan ini bertujuan memperkuuh pertahanan dan daya tahan siber melalui operasi siber kolaboratif yang memberi tumpuan kepada pengesanan, analisis dan pengurangan ancaman digital canggih," kata Dema-ala.

Antara aktiviti utama dalam latihan itu, termasuk forensik perisian hasad secara bersama, pertukaran risikan ancaman lanjutan, serta kejuruteraan balikan perisian hasad.

Dema-ala berkata aktiviti-aktiviti itu membolehkan kedua-dua pasukan memperoleh pemahaman

kritikal mengenai ancaman siber semasa dan baru muncul.

Beliau menambah bahawa latihan itu 'juga mengukuhkan perkongsian strategik antara Filipina dan Australia dalam menangani cabaran dinamik ruang siber dan peperangan hibrid'. - ©BERNAMA

Sepanyol catat suhu tertinggi pada Jun di tengah-tengah gelombang haba

MADRID, 1 Julai. - Sepanyol mencatatkan suhu tertinggi yang pernah direkodkan sepanjang Jun pada hujung minggu lepas ketika gelombang haba terus melanda selatan Eropah, lapor Xinhua.

Agenzi Meteorologi Negara Sepanyol (AEMET) melaporkan bawanya bandar El Granado di wilayah barat daya Huelva merekodkan suhu 46 darjah Celsius pada Sabtu, melepas rekod sebelumnya iaitu 45.2 darjah yang dicatatkan di Seville pada 1965.

Beberapa kawasan lain di

selatan Sepanyol turut mengalami suhu melampau, dengan 44 darjah direkodkan di Cordoba dan 43.9 darjah berhampiran Seville.

Lebih 100 stesen pemantauan AEMET mencatatkan suhu melebihi 40 darjah semasa gelombang haba utama pertama tahun ini.

Di timur laut Sepanyol, Barcelona turut mencatatkan rekod suhu baharu bagi Jun iaitu 37.3 darjah.

Pihak berkuasa percaya cuaca panas menjadi faktor penyumbang kepada kematian

seorang pekerja pembersihan jalan perbandaran yang dilaporkan rebah akibat strok haba selepas menamatkan syifnya.

Dua lagi kematian berkaitan cuaca panas turut dilaporkan di Tarragona dan Aragon.

Gelombang haba itu dijangka berterusan sepanjang minggu ini, dengan suhu melebihi 40 darjah diramalkan di sepanjang pantai timur, wilayah barat daya serta kawasan pelancongan popular Kepulauan Balearic. - ©BERNAMA

Hujan monsun ragut 45 nyawa dalam 4 hari di seluruh Pakistan

ISLAMABAD, 30 Jun. - Tujuh lagi mangsa dilaporkan maut akibat kemalangan berpunca daripada hujan di seluruh Pakistan dalam tempoh dua hari lepas, menjadikan jumlah kematian meningkat kepada 45 sejak bermulanya musim monsun pada 26 Jun, menurut Pihak Berkusa Pengurusan Bencana Negara (NDMA) pada Ahad.

Jumlah mangsa cedera turut meningkat kepada 68 selepas enam orang lagi cedera akibat hujan lebat yang melanda hampir semua wilayah di negara itu, menurut NDMA dalam satu kenyataan yang dipetik oleh Xinhua.

Kebanyakan yang maut berpunca akibat runtuhnya bumbung dan banjir kilat yang menghanyutkan rumah dan jambatan, menurut pihak berkuasa itu.

NDMA turut memaklumkan yang sebanyak 89 rumah musnah sama ada secara separa atau keseluruhan, manakala 55 haiwan ternakan turut mati.

Menurut NDMA, aliran air sungai dan empangan di seluruh negara masih berada dalam keadaan normal.

Aktiviti bantuan diteruskan, dengan NDMA dan sukarelawan tempatan mengagihkan bekalan asas kepada mangsa yang terjejas.

Sementara itu, NDMA mengeluarkan amaran cuaca meliputi hujan lebat dan ribut petir yang dijangka melanda sebahagian besar kawasan di negara itu dalam tempoh 12 hingga 24 jam akan datang.

NDMA menggesa pihak berkuasa pengurusan bencana di peringkat negeri, pentadbiran daerah dan jabatan berkaitan agar sentiasa berwaspada, mengambil langkah berjaga-jaga sejak awal dan mengaktifkan pelan kontingen bagi mengurangkan potensi kerosakan. - ©BERNAMA

Warga Bangladesh disyaki terlibat gerakan militan IS ditahan di bawah SOSMA

KUALA LUMPUR, 30 Jun. - Beberapa individu daripada 36 warga Bangladesh yang disyaki terlibat gerakan militan berasaskan fahaman ekstremis Islamic State (IS) ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA).

Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd. Khalid Ismail berkata ada antara mereka yang ditahan telah dihantar pulang ke negara asal.

"Ada yang kita simpan dan tahan di bawah SOSMA. Selebihnya kita

telah usir keluar manakala beberapa lagi masih lagi dalam tahanan dan memerlukan siasatan lanjut," katanya kepada pemberita pada sidang media selepas majlis serah tugas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman hari ini.

Semalam, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dilaporkan mengesahkan tiada rakyat Malaysia yang direkrut dalam satu rangkaian militan berkaitan warga Bangladesh, seperti yang didebakkan baru-baru ini. - ©BERNAMA

Beliau berkata hasil siasatan Pasukan Cawangan Khas PDRM, kumpulan yang membawa masuk fahaman pelampau berdasarkan ideologi IS ke dalam negara ini melibatkan warga Bangladesh sahaja.

Pada Jumaat lepas, Saifuddin Nasution juga dilaporkan berkata penahanan 36 warganegara Bangladesh itu dilakukan menerusi tiga fasa operasi keselamatan terancang di sekitar Selangor dan Johor bermula 24 April lepas. - ©BERNAMA

BBC tolak dokumentari Gaza, Channel 4 ambil alih siaran

LONDON, 30 Jun. - Saluran penyiaran Britain, Channel 4 akan menayangkan sebuah dokumentari mengenai pengalaman petugas perubatan di Gaza selepas BBC menarik diri daripada menyiarannya, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Dokumentari bertajuk 'Gaza: Doctors Under Attack' itu pada asalnya ditugaskan oleh BBC lebih setahun lalu kepada syarikat penerbitan bebas, Basement Films.

Ia memaparkan pengalaman secara langsung petugas kesihatan Palestin di barisan hadapan dan menyiasat dakwaan serangan terhadap hospital serta kemudahan perubatan di Gaza.

Walaupun dokumentari itu telah siap, BBC menangguhkan siarannya dengan alasan sedang menjalankan semakan dalam berhubung satu lagi program berkaitan wilayah berkenaan.

BBC kemudiannya memutuskan untuk tidak menyiarkannya atas alasan dokumentari itu boleh mencetuskan tanggapan berat sebelah yang tidak selari dengan piawaian tinggi yang sewajarnya dijangkakan oleh orang ramai.

Dokumentari khas itu kini dijadual disiarkan di Channel 4 pada 10 malam, Rabu, 2 Julai.

Channel 4 memaklumkan bahawa dokumentari itu telah melalui proses semakan fakta dan penyuntingan mengikut piawaian editorial Channel 4 serta Kod Penyiaran Ofcom.

Ketua Berita, Hal Ehwal Semasa dan Dokumentari Khas Channel 4, Louisa Compton berkata dokumentari ini adalah laporan yang teliti dan penting kerana ia mengemukakan bukti yang menyokong dakwaan pencabulan serius undang-undang antarabangsa oleh tentera Israel.

"Ia wajar disaksikan secara meluas dan mencerminkan komitmen Channel 4 terhadap kewartawan yang berani dan tidak gentar," katanya.

Basement Films, yang sebelum ini menghasilkan dua dokumentari berkaitan perang di Gaza sejak 7 Oktober. Tiada satu pun yang mudah, namun yang ini paling sukar sekali.

"Ini adalah filem ketiga kami tentang serangan ke atas Gaza sejak 7 Oktober. Tiada satu pun yang mudah, namun yang ini paling sukar sekali."

"Seperti biasa, kami amat berterima kasih kepada rakan-rakan kami di Palestin, lebih 200 daripada mereka telah terkorban akibat serangan Israel, serta para doktor dan petugas kesihatan yang mempercayai kami untuk menyampaikan kisah mereka," menurut syarikat itu. - ©BERNAMA

239 kanak-kanak maut di barat Sudan sejak Januari

KHARTOUM, 30 Jun. - Sekurang-kurangnya 239 kanak-kanak dilaporkan maut di wilayah barat Sudan sejak Januari lalu akibat kekurangan makanan dan ubat-ubatan, menurut Rangkaian Doktor Sudan pada Ahad, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Pertubuhan perubatan awam itu dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa pasukannya mendokumentasikan kematian kanak-kanak akibat kekurangan zat makanan serta ketidaadaan bekalan makanan dan ubat yang kritis di bandar El Fasher, ibu negeri wilayah Darfur Utara, sepanjang tempoh Januari hingga Jun.

Kenyataan itu turut memberi amaran mengenai krisis kebuluran yang semakin meruncing serta serangan berterusan ke atas gudang bekalan makanan kanak-kanak di El Fasher yang masih dikepung oleh kumpulan separa tentera Rapid Support Forces (RSF).

"Rangkaian ini amat kesal terhadap sikap komuniti antarabangsa yang mengabaikan nasib kanak-kanak di Darfur, yang

telah hidup dalam kepungan selama lebih setahun," menurut kenyataan itu.

La turut menjelaskan bahawa El Fasher dan kem-kem pelarian di sekitarnya kini berdepan kekurangan makanan dan ubat-ubatan yang hampir menyeluruh, selain harga barang asas yang melambung tinggi dan di luar kemampuan penduduk.

Rayuan segera turut dibuat untuk menyelamatkan baki penduduk awam di El Fasher yang berada dalam keadaan terkepung dan dihujani serangan hampir setiap hari.

Rangkaian itu menyeru badan serantau dan antarabangsa agar menekan RSF supaya menerima dan melaksanakan cadangan gencatan senjata oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

"Tindakan segera amat diperlukan untuk membuka laluan bantuan kemanusiaan, membenarkan penghantaran bantuan kecemasan dan bekalan perubatan serta menamatkan kepungan yang membelenggu El Fasher selama lebih

setahun," menurut kenyataan itu lagi.

Pertempuran antara tentera Sudan dan RSF menjelaskan El Fasher sejak 10 Mei, meskipun pelbagai amaran antarabangsa dikeluarkan mengenai bahaya konflik di bandar itu, yang menjadi pusat utama operasi bantuan kemanusiaan bagi lima negeri di wilayah Darfur.

Pengerusi Majlis Berdaulat Sudan, Jeneral Abdel Fattah al-Burhan pada Jumaat telah meluluskan gencatan senjata kemanusiaan selama tujuh hari di El Fasher.

Keputusan itu dibuat susulan panggilan telefon daripada Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres, menurut kenyataan daripada Majlis itu.

Guterres meminta agar satu gencatan senjata selama seminggu dilaksanakan di El Fasher bagi membolehkan bantuan kemanusiaan disalurkan kepada penduduk yang memerlukan.

Bagaimanapun, kenyataan itu tidak menyatakan secara khusus bila gencatan senjata akan bermula. - ©BERNAMA

WALKATON SEMARAKKAN KEDATANGAN 1447 HIJRAH



SUASANA pada Sambutan Maal Hijrah 1447 yang berlangsung di Masjid An-Na'im Kampung Panchor Mengkubau (atas dan kanan).

PANCHOR MENGKUBAU, Isnin, 30 Jun. - Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid dan Muslimah Masjid An-Na'im Kampung Panchor Mengkubau telah mengadakan acara Sambutan Maal Hijrah 1447, baru-baru ini.

Majlis disemarakkan dengan Walkaton Hijrah yang melibatkan kira-kira 100 jemaah masjid majoriti daripada kalangan penduduk Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor

Mengkubau. Walkaton yang julung kali diadakan itu bermula dan berakhir di masjid berkenaan meliputi sepanjang 1.6 kilometer mengelilingi RPN tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejah Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud selaku Penaung AJKT masjid tersebut. Juga hadir, Pemangku Penghulu Mukim

Mentiri dan ketua-ketua kampung dan pemangku ketua kampung RPN berkenaan.

Terdahulu, majlis diimarahkan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah yang diimamkan oleh Imam masjid, Awang Suhif @Syu'aib bin Haji Abdullah. Kemudian, jemaah masjid juga berpeluang mendengarkan Tazkirah Subuh yang disampaikan oleh Pegawai SKIPPA di Masjid An-Na'im, Awang

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid An-Na'im



Mohammad Zainul Ariffin bin Sabtu.

Adapun Walkton Hijrah ini adalah bagi menyemarakkan lagi kedatangan Tahun 1447H dan memberi peluang kepada jemaah dan penduduk kampung untuk berinteraksi melalui beriadah dengan berjalan kaki secara berjemaah yang merupakan sunnah Baginda Rasullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan mewujudkan semangat

kesepakatan untuk bekerjasama antara penduduk - penduduk Kampung Panchor Mengkubau.

Selain itu, diharap untuk agar mendekatkan diri dan cintakan masjid dan yang penting bukan sekadar memperingati peristiwa sejarah Islam iaitu penghijrahan Nabi Muhammad dari Kota Mekah ke Madinah tetapi lebih kepada perpindahan secara spiritual daripada perkara yang tidak baik kepada yang baik.

Hargai peranan, sumbangan jururawat, bidan



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Isnin, 30 Jun. - Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB), Tutong menerusi Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan pagi tadi

mengadakan sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa yang berlangsung di Kawasan Letak Kereta Hospital PMMPMHAMB, Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

ialah Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan, Awang Haji Salehkamal bin Haji Badarudin.

Atur cara dimulakan dengan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran, diikuti dengan majlis pelancaran Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa bagi Hospital PMMPMHAMB Tutong oleh tetamu kehormat.

Acara turut diisikan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang mencipta reka bentuk T-shirt Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa 2025 yang dimenangi oleh Dayang Siti Nurul Qistina binti Samli; dan sesi senamrobik.

Tetamu kehormat juga berkesempatan untuk mengunjungi pameran mini kejururawatan dan mengunjungi gerai jualan para jururawat dan bidan.



SEBAHAGIAN yang hadir menyertai majlis berkenaan.



PEMANGKU Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan majlis pelancaran Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa bagi Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB), Tutong (kiri dan atas).

Sambutan antara lain bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf peranan serta sumbangan jururawat dan bidan di Hospital PMMPMHAMB Tutong; serta menyokong tema dan matlamat sambutan induk yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan.

Ia juga adalah untuk menggalakkan penyertaan aktif

jururawat dan bidan dalam aktiviti yang meningkatkan kesejahteraan fizikal dan mental; selain untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan semangat kerja berpasukan dalam kalangan jururawat dan bidan.

Juga hadir, pegawai-pegawai dan kakitangan daripada Hospital PMMPMHAMB, Tutong dan Kementerian Kesihatan.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Kementerian Kesihatan
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppk.gov.bn

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Salamatkan Usus Awda

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



ePaper Pelita Brunei



HARI KELUARGA ERATKAN SILATURAHIM ANTARA PENDUDUK KAMPUNG



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa,
Majlis Perundungan Kampung Kasat

KASAT, Isnin, 30 Jun. - Majlis Perundungan Mukim Lumapas dengan kerjasama Majlis Perundungan Kampung-kampung di bawahnya dan Persatuan Ibu Bapa Guru, Sekolah Rendah Kasat, Kluster 1 telah mengadakan Sambutan Hari

Keluarga Mukim Lumapas 2025, baru-baru ini.

Sambutan yang bertempat di Padang Sekolah Rendah Kasat itu meriah dengan kehadiran para penduduk dari Kampung Kasat, Putat, Lumapas 'A' dan 'B' serta Kampung Luas dan Tarap Bau.

Hadir selaku tetamu kehormat pada sambutan tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Juga hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas selaku Pengerusi Bersama, Yang Berhormat Zainol

bin Haji Mohamed, selaku Ketua Kampung Putat, Yang Berhormat Mohammad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B' serta Ketua-ketua Kampung dan Pemangku Ketua Kampung di bawah tadbiran Mukim Lumapas.

Sebanyak 30 aktiviti sukan ria telah dipertandingkan disertai oleh para penduduk untuk memeriahkan sambutan tersebut selain cabutan nama bertuah, permainan *bouncer* dan *bubbles* untuk kanak-kanak dan *photobooth* untuk penduduk-penduduk dan orang ramai yang hadir untuk merakamkan kenangan mereka.

Acara kemuncak Sambutan Hari Keluarga ini ialah Perlawanan Tarik Kalat antara kampung-kampung di bawah Mukim Lumapas yang

memeriahkan lagi acara berkenaan.

Selain itu juga, sambutan sehari itu dimeriahkan juga dengan pelbagai acara termasuk jualan produk kampung di bawah Mukim Lumapas serta aktiviti yang disediakan oleh penduduk dan guru-guru serta Persatuan Ibu Bapa Guru Sekolah Rendah Kasat.

Penyampaian hadiah-hadiah telah disempurnakan oleh tetamu kehormat, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak dan juga Yang Berhormat Awang Amran. Adapun tujuan dan objektif sambutan ini diadakan adalah mendukung dan menyokong Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang diadakan pada setiap Ahad minggu pertama bulan Mei.

Di samping itu, ia adalah sebagai wadah untuk saling kenal - mengenali dan mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan ahli keluarga yang lain bagi kawasan Mukim Lumapas dan menyemarakkan semangat kerjasama, hormat-menghormati dan menanam nilai-nilai murni melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan.



LEBIH daripada 110 peserta menyertai perlawanan Kejohanan Tenis Persatuan Tenis Brunei Darussalam (BDTA) Beregu Campuran 2025 yang akan diadakan setiap hari dari jam 7.00 hingga 10.00 malam, bermula pada hari Jumaat, 4 Julai 2025.

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Tenis Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Jun. - Kejohanan Tenis Persatuan Tenis Brunei Darussalam (BDTA) Beregu Campuran 2025 akan bermula dari 4 hingga 13 Julai 2025 yang diadakan di Pusat Tenis Kebangsaan.

Dengan lebih daripada 110 peserta, acara ini akan menyaksikan pemain tempatan bersaing dengan pemain dari Malaysia, Republik India, Republik Filipina dan Republik Indonesia untuk merebut mata

peringkat kebangsaan dalam kategori campuran.

Perlawanan akan diadakan setiap hari dari jam 7.00 hingga 10.00 malam, bermula pada hari Jumaat, 4 Julai 2025.

Orang ramai dialu-alukan untuk hadir dan masuk adalah percuma. Pertandingan ini

memberikan peluang kepada peminat tenis untuk menyaksikan persaingan menarik secara langsung.

Acara tahun ini dijangka menjadi sebuah pertunjukan bakat yang menarik dengan pemain-pemain bersaing untuk merebut tempat teratas dalam ranking kebangsaan.

KEDUDUKAN KEJOHANAN PIALA LELA CHERTERIA 2025						
POS	CLUB	P	W	D	L	PTS
1	KASUKA FC	6	4	2	0	14
2	MIRI FA	5	4	1	0	13
3	LIMBANG FA	5	4	1	0	13
4	GERGASI FC	6	4	1	1	13
5	PKT FT	6	2	0	4	6
6	SHADA FT	6	0	2	4	2
7	SPORTS SCHOOL FC	6	0	2	4	2
8	SUPASTRIKAS	6	0	1	5	1



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MEMINJAMKAN SESUATU TERMASUK DALAM PERKARA TOLONG-MENOLONG